! Sila baca Arahan & Peringatan Keselamatan dengan teliti sebelum penggunaan

CP1395E
CP1395EST

Ketuhar gelombang mikro

manual pengguna

Planet First 100% Recycled Paper

Manual ini dibuat dengan kertas kitar semula 100 %.

bayangkan kemungkinannya

MALAY

Terima kasih kerana membeli produk Samsung ini.
Bagi menerima perkhidmatan yang lebih lengkap,
sila daftarkan produk anda di

www.samsung.com/register

SAMSUNG

menggunakan manual ini

Terima kasih kerana membeli ketuhar gelombang mikro SAMSUNG.
Manual Pemilik anda mengandungi arahan keselamatan dan maklumat penting tentang menggunakan dan menjaga ketuhar gelombang mikro baru anda.
Sebelum menggunakan ketuhar anda, pastikan arahan keselamatan penting dibaca dengan teliti dan disimpan untuk rujukan masa hadapan.
Panduan carian pantas berguna yang menerangkan pengendalian memasak asas disediakan di dalam muka hadapan untuk kemudahan anda.

maklumat keselamatan

- Sebelum mengendalikan alat ini, sila baca buku panduan ini dengan teliti dan simpan ia di tempat yang selamat berdekatan dengan alat ini untuk rujukan anda pada masa hadapan.
- Gunakan alat ini hanya untuk tujuan yang dimaksudkan seperti yang diterangkan di dalam buku panduan ini. Alat ini bukan untuk digunakan oleh orang-orang (termasuk kanak-kanak) yang mempunyai keupayaan fizikal, sensori atau mental yang kurang, atau tidak berpengalaman dan berpengetahuan, kecuali mereka telah diberikan penyeliaan atau arahan tentang penggunaan alat ini oleh orang yang bertanggungjawab bagi keselamatan mereka. Amaran dan Arahan Keselamatan di dalam buku panduan ini tidak merangkumi semua keadaan dan situasi yang boleh berlaku. Anda bertanggungjawab untuk menggunakan akal, berwaspada dan berhati-hati semasa memasang, menyelenggarakan dan mengendalikan perkakas anda.
- Oleh kerana arahan pengendalian berikut meliputi pelbagai model, ciri ketuhar gelombang mikro anda mungkin berbeza sedikit daripada yang diterangkan di dalam manual ini dan bukan semua tanda-tanda amaran boleh digunakan. Jika anda mempunyai sebarang soalan atau keprihatinan, hubungi pusat perkhidmatan yang terdekat dengan anda atau dapatkan bantuan dan maklumat dalam talian di www.samsung.com.

Simbol-simbol keselamatan dan langkah-langkah awas penting.

Simbol-simbol yang berikut digunakan dalam teks Buku Panduan Pengguna ini:

⚠ AMARAN	Bahaya atau amalan-amalan yang tidak selamat yang boleh menyebabkan **kecederaan diri yang teruk atau kematian**.
⚠ AWAS	Bahaya atau amalan-amalan yang tidak selamat yang boleh menyebabkan **kecederaan diri yang tidak serius atau kerosakan harta benda**.
⚡ AWAS	Untuk mengurangkan risiko kebakaran, letupan, kejutan elektrik, atau kecederaan diri apabila menggunakan ketuhar gelombang mikro anda, sila ikut awas keselamatan asas ini.

	JANGAN cuba.
	JANGAN rungkas.
	JANGAN sentuh.
	Ikuti arahan sepenuhnya.
	Cabut palam kuasa dari soket dinding.
	Pastikan mesin dibumikan untuk mencegah kejutan elektrik.
	Hubungi pusat perkhidmatan bagi mendapatkan bantuan.
	Nota
	Penting

AMARAN Tanda-tanda amaran yang serius bagi pemasangan

Pemasangan alat ini mesti dilakukan oleh seorang juruteknik khidmat gelombang mikro yang berkelayakan dan dilatih oleh pengilang.
Sila lihat bahagian "Memasang Ketuhar Gelombang Mikro Anda".

Pasang kord kuasa pada soket dinding yang betul atau lebih tinggi dan gunakan soket bagi alat ini sahaja. Pasang palam kuasa pada soket dinding dengan kukuh. Selain itu, jangan gunakan kord pemanjang.

- Kegagalan berbuat demikian dan berkongsi soket dinding dengan alat-alat lain menggunakan jalur kuasa atau memanjangkan kord kuasa boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kebakaran.
- Jangan gunakan transformer elektrik. Ia boleh menyebabkan kejutan atau kebakaran.

Pemasangan alat ini mesti dilakukan oleh juruteknik atau syarikat khidmat yang berkelayakan.

- Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan kejutan elektrik, kebakaran, letupan, masalah dengan produk, atau kecederaan.

Ia harus membolehkan sambungan perkakas diputuskan daripada bekalan selepas pemasangan. Pemutusan sambungan boleh dicapai dengan memastikan palam boleh dicapai atau dengan menyertakan suis dalam pendawaian tetap mengikut peraturan pendawaian.

Ketuhar gelombang mikro ini dimaksudkan untuk digunakan di atas kaunter atau atas kaunter sahaja; ketuhar gelombang mikro ini tidak harus diletakkan di atas kabinet.

Jangan pasang perkakas ini berhampiran dengan pemanas, bahan yang mudah terbakar.
Jangan pasang perkakas ini di lokasi yang lembap, berminyak atau berhabuk, di lokasi yang terdedah kepada sinaran cahaya matahari dan air (titisan air hujan).
Jangan pasang perkakas ini di lokasi di mana gas mungkin bocor.

- Ini boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kebakaran.

Alat ini tidak dimaksudkan untuk dipasang di dalam kenderaan jalan raya, karavan, dan kenderaan-kenderaan yang serupa dll.

Perkakas ini mesti dibumikan dengan betul.
Jangan bumikan perkakas ke paip gas, paip air plastik, atau talian telefon.

- Ini boleh menyebabkan kejutan elektrik, kebakaran, letupan, masalah dengan produk.
- Jangan sekali-kali pasang kord kuasa pada soket yang tidak dibumikan dengan betul dan pastikan bahawa ia menurut kod-kod tempatan dan nasional.

CP1395EST_XSM_MA_DE68-03885F.indb 3 2011-08-02 8:20:25

AWAS Tanda-tanda awas bagi pemasangan

Alat ini harus diposisikan dengan cara yang membolehkan palam kuasa mudah dicapai.

- Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kebakaran disebabkan kebocoran elektrik.

Pasang alat anda di atas lantai yang rata dan keras yang boleh menyokong berat alat ini.

- Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan getaran luar biasa, bunyi bising, atau masalah dengan produk.

Pasang alat dengan mengekalkan jarak yang sesuai dengan dinding.

- Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan kebakaran disebabkan pemanasan yang berlebihan.

Ketinggian minimum ruang bebas yang diperlukan di atas permukaan atas ketuhar.

AMARAN Tanda-tanda amaran serius bagi elektrik

Hilangkan semua bahan-bahan asing seperti habuk atau air dari terminal-terminal palam kuasa dan titik sentuhan menggunakan kain kering dengan kerap.

- Cabut palam kuasa dan bersihkan ia dengan kain kering.
- Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kebakaran.

Pasang palam kuasa pada soket dinding mengikut arah yang betul agar kordnya menurun ke arah lantai.

- Jika anda memasang palam kuasa pada soket mengikut arah yang bertentangan, dawai-dawai elektrik di dalam kabel boleh menjadi rosak dan ini boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kebakaran.

Pasang palam kuasa pada soket dinding dengan kukuh. Jangan gunakan palam kuasa yang rosak, kord kuasa yang rosak atau soket dinding yang longgar.

- Ini boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kebakaran.

Jangan tarik atau bengkokkan kord kuasa secara melampau. Jangan pintal atau ikat kord kuasa. Jangan sangkutkan kord kuasa di atas objek logam, letakkan objek berat di atas kord kuasa, masukkan kord kuasa di antara objek, atau tolak kord kuasa ke dalam ruang di belakang perkakas.

- Ini boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kebakaran.

Jangan tarik kord kuasa, apabila mencabut palam kuasa.

- Cabut palam kuasa dengan memegang palam.
- Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kebakaran.

Apabila alat atau kord rosak, hubungi pusat perkhidmatan yang terdekat dengan anda.

AWAS Tanda-tanda awas bagi elektrik

Cabut palam kuasa apabila alat ini tidak digunakan bagi jangka masa panjang atau semasa ribut petir/guruh.

- Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kebakaran.

AMARAN Tanda-tanda amaran yang serius bagi menggunakan

Sekiranya berlaku kebocoran gas (seperti gas propana, gas LP, dll), alih udara dengan segera tanpa menyentuh palam kuasa. Jangan sentuh alat atau kord kuasa.

- Jangan gunakan kipas alih udara.
- Bunga api boleh menyebabkan letupan atau kebakaran.

Berhati-hati bagi memastikan pintu, pemanas atau sebarang bahagian lain tidak menyentuh tubuh semasa memasak atau selepas memasak.

- Ini boleh menyebabkan luka terbakar.

Semasa digunakan, alat ini menjadi panas. Berhati-hati agar tidak menyentuh elemen-elemen pemanas di dalam ketuhar.

Apabila memindahkan unsur-unsur pemanas, pastikan anda menggunakan peralatan yang dimaksudkan untuk memindahkan unsur pemanas semasa memakai sarung tangan keselamatan yang disediakan dengan produk ini, dan lihat sama ada suhu jatuh secukupnya (sekurang-kurangnya 10 minit selepas gril atau operasi pemasakan kombinasi) selepas pengendalian.

SENTIASA gunakan sarung tangan ketuhar apabila mengeluarkan bekas dari ketuhar untuk mengelakkan luka terbakar yang tidak disengajakan.

Berdiri sejauh kira-kira dua kaki dari ketuhar apabila membuka pintunya.
Sebab : Udara atau wap panas yang dilepaskan boleh melecurkan kulit.

Pemanasan minuman menggunakan gelombang mikro boleh menyebabkan pendidihan letusan lewat; oleh itu anda harus berhati-hati apabila mengendalikan bekas; Untuk mencegah situasi ini SENTIASA beri masa biar sekurang-kurangnya 20 saat selepas ketuhar dimatikan supaya suhu boleh menjadi sama rata. Kacau semasa memanaskan, jika perlu, dan SENTIASA kacau selepas memanaskan. Sekiranya kulit anda melecur, ikut arahan PERTOLONGAN CEMAS berikut:

- Rendam bahagian yang melecur dalam air sejuk selama sekurang-kurangnya 10 minit.
- Balut dengan pembalut yang bersih dan kering.
- Jangan bubuh sebarang krim, minyak atau losen.
- Hubungi seorang doctor

Jika kord bekalan rosak, ia mesti diganti oleh pengilang, ejen perkhidmatannya atau orang-orang yang sama berkelayakan bagi mengelakkan bahaya.

Kanak-kanak harus diselia bagi memastikan mereka tidak bermain dengan alat ini.

Telur dalam kulitnya dan telur rebus tidak harus dipanaskan di dalam ketuhar gelombang mikro oleh kerana ia boleh meletup, walaupun setelah pemanasan gelombang mikro telah selesai.

AMARAN : Kandungan botol makanan bayi dan balang makanan bayi harus dikacau atau digoncang dan suhunya diperiksa sebelum makanan dimakan, bagi mengelakkan luka terbakar.

AMARAN : Hanya benarkan kanak-kanak menggunakan ketuhar tanpa penyeliaan apabila arahan yang mencukupi telah diberikan supaya kanak-kanak tersebut boleh menggunakan ketuhar dengan cara yang selamat dan memahami bahaya penggunaan yang tidak betul.

AMARAN : Apabila alat dikendalikan dalam mod kombinasi, kanak-kanak hanya boleh menggunakan ketuhat dibawah penyeliaan orang dewasa kerana suhu yang dijana.

Alat ini tidak harus digunakan oleh kanak-kanak atau orang-orang yang kurang keupayaan fizikal, sensori atau mental, atau tidak berpengalaman atau berpengetahuan, kecuali mereka di bawah penyeliaan atau arahan.

AMARAN : Bahagian-bahagian yang boleh dicapai akan menjadi panas semasa digunakan. Untuk mengelakkan luka kebakaran, kanak-kanak kecil harus dijauhkan dari alat ini.

AMARAN : Pastikan alat ini dimatikan sebelum menggantikan lampu bagi mengelakkan kemungkinan kejutan elektrik.

Jangan sentuh palam kuasa dengan tangan yang basah.

- Ini boleh menyebabkan kejutan elektrik.

Jangan matikan alat ini dengan mencabut palam kuasa semasa ia sedang beroperasi.

- Memasang semula palam kuasa pada soket dinding boleh menyebabkan bunga api dan menyebabkan kejutan elektrik atau kebakaran.

Jauhkan semua bahan pembungkusan dari kanak-kanak, kerana bahan pembungkusan boleh jadi berbahaya kepada kanak-kanak.

- Jika seorang kanak-kanak menyarungkan beg di atas kepalanya, ia boleh menyebabkannya lemas.

Alat ini bukan untuk digunakan oleh orang-orang (termasuk kanak-kanak) yang mempunyai keupayaan fizikal, sensori atau mental yang kurang, atau tidak berpengalaman dan berpengetahuan, kecuali mereka telah diberikan penyeliaan atau arahan tentang penggunaan alat ini oleh orang yang bertanggungjawab bagi keselamatan mereka.

- Ini boleh menyebabkan kejutan elektrik, luka kebakaran atau kecederaan.

Jangan sesekali gunakan periuk serba guna dalam ketuhar gelombang mikro atau fungsi cair beku.

- Ini boleh menyebabkan bunga api atau kebakaran.

Jangan sekali-kali gunakan alat ini untuk tujuan-tujuan lain daripada memasak.

- Ini boleh menyebabkan kebakaran.

Buka bekas yang dikedap (botol bayi, botol susu, dll) dan buat satu lubang dalam bahan makanan seperti kulit atau kacang (telur, buah berangan, dll) dengan pisau, sebelum memasaknya.

- Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan kebakaran atau kecederaan disebabkan bahan makanan yang pecah.

Jangan sentuh bahagian dalam alat ini sebaik sahaja tamat memasak kerana bahagian dalam alat ini panas selepas dipanaskan bagi masa yang lama atau memanaskan makanan yang sedikit.

- Ini boleh menyebabkan luka terbakar.

Jangan gunakan kerajang aluminium, benda logam (seperti bekas, garpu, dll) atau bekas yang mempunyai kemasan emas atau perak.

- Ini boleh menyebabkan bunga api atau kebakaran.

Jangan panaskan bekas plastik atau kertas dan jangan gunakannya dengan fungsi ketuhar.

- Ini boleh menyebabkan kebakaran.

Berhati-hati agar makanan tidak bersentuh dengan pemanas semasa memamask makanan dengan ketuhar.

- Ini boleh menyebabkan kebakaran.

Jangan panaskan makanan secara berlebihan.

- Ini boleh menyebabkan kebakaran.

Jangan panaskan makanan yang dibungkus dengan kertas seperti majalah atau surat khabar.

- Ini boleh menyebabkan kebakaran.

Jangan gunakan atau letakkan semburan atau benda mudah terbakar berdekatan dengan ketuhar.

- Ini boleh menyebabkan kebakaran atau letupan.

Jangan buka pintu apabila makanan di dalam petak memasak sedang terbakar.

- Jika anda membuka pintu, aliran masuk oksigen berlaku dan ini boleh menyebabkan kebakaran.

Jangan masukkan jejari, bahan asing atau benda logam seperti pin atau jarum ke dalam salur masuk, salur keluar dan lubang. Jika benda asing dimasukkan ke dalam sebarang lubang ini, cabut palam kuasa dari soket dinding dan hubungi pembekal produk anda atau pusat perkhidmatan yang terdekat dengan anda.

- Ini boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kecederaan.

JANGAN SEKALI-KALI mengisi bekas sehingga penuh dan pilih bekas yang bahagian atasnya lebih luas daripada bahagian bawahnya untuk mencegah cecair daripada mendidih keluar. Botol berleher sempit juga boleh meletup jika terlampau panas.

JANGAN SEKALI-KALI memanaskan botol bayi dengan putingnya terpasang, kerana botol boleh meletup jika terlampau panas.

JANGAN sentuh elemen-elemen pemanas atau dinding dalaman ketuhar sehingga ketuhar telah sejuk.

Jangan rendam kabel kuasa atau palam di dalam air dan jauhkan kabel kuasa dari permukaan yang panas.

Jangan kendalikan peralatan ini jika kabel kuasa atau palamnya rosak.

JANGAN kendalikan ketuhar gelombang mikro semasa ia kosong. Kuasa akan diputuskan secara automatik untuk keselamatan. Anda boleh menggunakan ketuhar seperti biasa selepas membiarkan ia selama lebih dari 30 minit. Adalah baik anda membiarkan segelas air di dalam ketuhar pada setiap masa. Air tersebut akan menyerap tenaga gelombang mikro jika ketuhar dimulakan secara tidak sengaja.

AMARAN : Jika pintu atau kedap pintu rosak, ketuhar tidak boleh dikendalikan sehingga ia telah dibaiki oleh orang yang cekap.

AMARAN : Cecair dan makanan lain tidak boleh dipanaskan di dalam bekas yang dikedap kerana ia boleh meletup.

Jika alat ini dibanjiri, putuskan kuasa dengan segera dan sila hubungi pusat perkhidmatan yang terdekat dengan anda.

- Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kebakaran.

Jika alat ini mengeluarkan bunyi bising, bau terbakar atau asap, cabut palam kuasa dengan segera dan hubungi pusat perkhidmatan yang terdekat dengan anda.

- Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kebakaran.

Jangan cuba membaiki, merungkah, atau mengubah suai alat ini sendiri.

- Oleh kerana arus voltan tinggi memasuki casis produk, ini boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kebakaran.
- Anda mungkin terdedah kepada gelombang-gelombang elektromagnet.
- Apabila pembaikan alat ini diperlukan, hubungi pusat perkhidmatan yang terdekat dengan anda.

AMARAN : Adalah merbahaya bagi seseorang yang tidak cekap menjalankan sebarang servis atau operasi pembaikan yang melibatkan kerja menanggalkan penutup yang memberi perlindungan daripada pendedahan kepada tenaga gelombang mikro.

Jika sebarang benda asing seperti air memasuki alat ini, cabut palam kuasa dan hubungi pusat perkhidmatan yang terdekat dengan anda.

- Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kebakaran.

Jika asap kelihatan, matikan atau cabut palam alat dan pastikan pintu ketuhar ditutup untuk mematikan api;

AWAS Tanda-tanda awas bagi menggunakan

Hanya gunakan perkakas yang sesuai untuk digunakan di dalam ketuhar gelombang mikro; JANGAN gunakan sebarang bekas logam, Pinggan mangkuk makan malam dengan kemasan emas atau perak, Pencucuk, garpu, dll. Buang tali ikat dawai dari beg kertas atau plastik.
Sebabnya : Pengarkaan atau pencucuhan elektrik boleh berlaku dan boleh merosakkan ketuhar.

Apabila memanaskan makanan dalam bekas plastik atau kertas, perhatikan ketuhar untuk mengesan kemungkinan pencetusan bunga api;

Jumlah makanan yang kecil memerlukan masa memasak atau memanas yang lebih pendek.
Jika masa yang biasa dibenarkan ia boleh terlampau panas dan hangus.

Anda mungkin mendengar bunyi Berklik semasa ketuhar sedang beroperasi (terutamanya semasa ketuhar sedang mencair beku).
Sebabnya : Bunyi ini adalah normal apabila output kuasa elektrik sedang bertukar.

Kanak-kanak kecil tidak harus SEKALI-KALI dibenarkan menggunakan atau bermain dengan ketuhar gelombang mikro. Mereka juga tidak harus dibiarkan berada dekat dengan ketuhar gelombang mikro tanpa jagaan semasa ia sedang digunakan. Barang-barang yang menarik minat kanak-kanak tidak harus disimpan atau disembunyikan di atas ketuhar.

Kanak-kanak harus diselia bagi memastikan mereka tidak bermain dengan alat ini.

Berhati-hati kerana minuman atau makanan mungkin sangat panas selepas dipanaskan.

- Terutamanya apabila memberi makan kanak-kanak, periksa bagi memastikan makanan tersebut telah sejuk secukupnya.

Berhati-hati apabila memanaskan cecair seperti air atau minuman lain.

- Pastikan anda mengacau semasa atau sesudah memasak.
- Elakkan daripada menggunakan bekas yang licin dengan leher yang sempit.
- Keluarkan bekas sekurang-kurangnya 30 saat selepas pemanasan.
- Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan limpahan kandungan yang mendadak dan menyebabkan luka kebakaran.

Jangan pegang makanan atau sebarang bahagian segera selepas memasak.

- Gunakan sarung tangan memasak kerana ia mungkin sangat panas dan anda boleh mendapat luka kebakaran.
- Jika anda menarik pinggan seramik atau dulang serbaguna ke depan, makanan mungkin tumpah dan menyebabkan luka kebakaran.

Apabila permukaannya retak, matikan suis kuasa alat.

- Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan kejutan elektrik.

Jangan calarkan kaca pintu ketuhar dengan benda tajam.

- Ini boleh menyebabkan kaca tersebut rosak atau pecah.

Jangan berdiri di atas alat ini atau letakkan benda (seperti kain baju, penutup ketuhar, lilin yang menyala, rokok yang menyala, bekas, bahan kimia, benda logam, dll) di atas alat ini.

- Benda-benda seperti kain, boleh tersepit pada pintu.
- Ini boleh menyebabkan kejutan elektrik, kebakaran, masalah dengan produk, atau kecederan.

Jangan kendalikan alat ini dengan tangan yang basah.

- Ini boleh menyebabkan kejutan elektrik.

Jangan semburkan bahan meruap seperti ubat serangga pada permukaan alat.

- Selain daripada bahayanya ke atas manusia, ia mungkin juga boleh menyebabkan kejutan elektrik, kebakaran atau masalah dengan produk.

Jangan kenakan tekanan atau hentaman berlebihan pada pintu atau bahagian dalam alat.

- Ini boleh menyebabkan kecacatan pada produk atau kecederaan disebabkan kebocoran gelombang elektrik.
- Bergayut pada pintu boleh menyebabkan produk ini jatuh dan menyebabkan kecederaan.
- Jika pintunya rosak, jangan gunakan alat ini dan hubungi pusat perkhidmatan yang terdekat dengan anda.

Jangan letakkan alat ini di atas benda yang mudah pecah seperti sinki atau benda kaca.

- Ini boleh menyebabkan kerosakan pada sinki atau benda kaca tersebut.

Gunakan alat ini hanya selepas menutup pintunya.

- Jika anda menggunakan alat ini apabila ia dicemari oleh bahan-bahan asing seperti sisa makanan, ia boleh menyebabkan masalah dengan alat ini.

Berhati-hati apabila membuka bungkusan dari makanan yang baru sahaja dikeluarkan dari alat ini.

- Jika makanan itu panas, wap panas mungkin dikeluarkan secara mendadak apabila anda membuka bungkusan dan anda mungkin mendapat luka kebakaran.

Jangan cabut palam alat ini dengan menarik kord kuasanya, sentiasa genggam palam dengan kukuh dan tarik terus dari soket.

- Kerosakan pada kord boleh menyebabkan litar pintas, kebakaran dan/atau kejutan elektrik.

Jangan letakkan muka atau tubuh anda dekat dengan alat ini semasa memasak atau apabila membuka pintunya sejurus selepas memasak.

- Berhati-hati agar kanak-kanak tidak menghampiri alat ini.
- Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan luka kebakaran daripada haba.

Jangan letakkan makanan atau benda berat di atas pintu apabila membuka pintu.

- Makanan atau benda tersebut boleh jatuh dan ini boleh menyebabkan luka kebakaran atau kecederaan.

Jangan sejukkan pintu, bahagian dalam alat, atau bekas secara mendadak dengan menuang air ke atasnya semasa atau sejurus selepas memasak.

- Ini boleh menyebabkan kerosakan pada alat. Semburan wap atau air boleh menyebabkan luka kebakaran atau kecederaan.

Alat-alat tidak dimaksudkan untuk dikendalikan dengan menggunakan pemasa luaran atau sistem kawalan jauh berasingan.

AMARAN Tanda-tanda amaran yang serius bagi pembersihan

Jangan bersihkan perkakas dengan menyemburkan air terus padanya.
Jangan gunakan benzena, pencair atau alkohol untuk membersihkan perkakas.

- Ini boleh menyebabkan perubahan warna, kecacatan, kerosakan, kejutan elektrik atau kebakaran.

Sebelum membersihkan atau melakukan penyelenggaraan, cabut palam alat dari soket dinding dan buang sisa makanan dari pintu dan petak pemasakan.

- Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kebakaran.

Jangan gunakan pembersih kasar yang kuat atau pengerik logam yang tajam untuk membersihkan kaca pintu ketuhar kerana ia boleh mencalarkan permukaannya, yang boleh mengakibatkan kaca itu pecah.

Jangan gunakan ketuhar gelombang mikro untuk mengeringkan kertas atau kain.

Untuk keselamatan anda, jangan gunakan pembersih air tekanan tinggi atau pembersih jet wap.

semasa keadaan pembersihan permukaan-permukaan alat ini mungkin menjadi lebih panas daripada biasa dan kanak-kanak harus dijauhkan dari alat ini. (model pembersihan sahaja)

tumpahan berlebihan mesti dihilangkan sebelum pembersihan dan akan menentukan perkakas mana yang boleh ditinggalkan di dalam ketuhar semasa pembersihan. (model pembersihan sahaja)

AWAS Tanda-tanda awas bagi pembersihan

Ketuhar harus dibersihkan dengan tetap dan sebarang cebisan makanan ditanggalkan.

Kegagalan mengekalkan ketuhar dalam keadaan yang bersih boleh mengakibatkan kerosakan pada permukaannya yang boleh memendekkan hayat peralatan ini dan mungkin mengakibatkan situasi yang berbahaya.

Berhati-hati agar tidak mencederakan diri anda sendiri semasa membersihkan alat ini (luaran/dalaman).

- Anda boleh mencederakan diri anda sendiri jika terkena pinggir-pinggir tajam alat ini.

Jangan bersihkan alat ini dengan pembersih wap.

- Ini boleh menyebabkan kekakisan.

LANGKAH BERJAGA-JAGA BAGI MENGELAKKAN PENDEDAHAN KEPADA TENAGA GELOMBANG MIKRO YANG BERLEBIHAN

Kegagalan mematuhi langkah-langkah keselamatan berikut boleh mengakibatkan pendedahan kepada tenaga gelombang mikro yang memudaratkan.

(a) Dalam apa keadaan sekalipun, jangan sekali-kali cuba mengendalikan ketuhar dengan pintunya terbuka atau mengusik saling kunci keselamatan (selak pintu) atau memasukkan sesuatu benda ke dalam lubang saling kunci keselamatan.

(b) Jangan letakkan sebarang objek di antara pintu ketuhar dengan muka depan atau membiarkan sisa makanan atau bahan pembersih terkumpul pada permukaan kedap. Pastikan pintu dan permukaan kedap pintu sentiasa bersih dengan mengelapnya selepas digunakan mula-mula dengan kain lembap dan kemudian dengan kain kering yang lembut.

(c) Jangan kendalikan ketuhar jika ia rosak sehingga ia telah dibaiki oleh juruteknik servis gelombang mikro yang berkelayakan yang dilatih oleh pembuat. Adalah penting sekali pintu ketuhar ditutup dengan betul dan tiada kerosakan pada:

(1) Pintu (bengkok)
(2) Engsel pintu (pecah atau longgar)
(3) kedap pintu dan permukaan kedap

(d) Ketuhar tidak harus dilaras atau dibaiki oleh sesiapa pun kecuali juruteknik servis gelombang mikro yang berkelayakan dan dilatih oleh pembuat.

Produk ini ialah peralatan ISM Kelas B Kumpulan 2. Definisi kumpulan 2 yang mengandungi semua peralatan ISM di mana tenaga frekuensi radio dijana dengan sengaja dan/atau digunakan dalam bentuk sinaran elektromagnet bagi rawatan bahan, dan peralatan EDM dan kimpalan arka. Peralatan Kelas B ialah peralatan yang sesuai untuk digunakan dalam perusahaan-perusahaan domestik dan dalam perusahaan-perusahaan yang bersambung terus pada rangkaian bekalan kuasa voltan rendah yang membekalkan bangunan-bangunan yang digunakan untuk tujuan-tujuan domestik.


kandungan

memasang ketuhar gelombang mikro anda


MEMASANG KETUHAR ANDA

Letakkan ketuhar di atas permukaan rata setinggi 85 sm dari lantai. Permukaan mesti kukuh bagi membolehkannya menampung berat ketuhar dengan selamat.

- Apabila anda memasang ketuhar anda, pastikan ada pengalihan udara yang mencukupi dengan meninggalkan sekurang-kurangnya 10 sm (4 inci) ruang di belakang dan di tepi ketuhar, manakala 20 sm (8 inci) di atasnya.



- Keluarkan semua bahan pembungkusan dari ketuhar.Pasang dulang sokongan dan pinggan putar. Periksa bagi memastikan pinggan putar berputar dengan bebas.




Ketuhar gelombang mikro ini harus diletakkan di tempat yang sesuai supaya palamnya mudah dicapai.

- Jangan pasang ketuhar gelombang mikro dalam persekitaran yang panas atau lembap seperti di sebelah penyinar atau ketuhar tradisional. Spesifikasi bekalan kuasa ketuhar mestilah dipatuhi dan sebarang kabel sambungan yang digunakan mestilah menggunakan piawai yang sama dengan kabel kuasa yang dibekalkan bersama ketuhar. Lap bahagian dalam dan pengadang pintu dengan kain yang lembap sebelum menggunakan ketuhar gelombang mikro anda buat pertama kali.
- Jangan pasang ketuhar gelombang mikro dalam persekitaran yang panas atau lembap seperti di sebelah penyinar atau ketuhar tradisional. Spesifikasi bekalan kuasa ketuhar mestilah dipatuhi dan sebarang kabel sambungan yang digunakan mestilah menggunakan piawai yang sama dengan kabel kuasa yang dibekalkan bersama ketuhar. Lap bahagian dalam dan pengadang pintu dengan kain yang lembap sebelum menggunakan ketuhar gelombang mikro anda buat pertama kali.


ciri-ciri ketuhar

MEMERIKSA PRODUK DAN BAHAGIAN



Panduan Sokongan kebanyakannya digunakan untuk fungsi perolakan.

MEMERIKSA PANEL KAWALAN




1. Mod Gelombang Mikro
2. Mod Gril
3. Mod Kombinasi Gril
4. Mod Perolakan
5. Mod Kombinasi Perolakan
6. Mod Prapanas Cepat
7. Mod Penderia Mengukus
8. Butang Penderia Mencair beku
9. Paparan
10. Butang Kekal Panas
11. Butang Mula
12. Butang Henti/Batal/Jimat Kuasa
13. Pemilih Berbilang Fungsi/Butang Pemilih
14. Butang Panduan Berat
15. Butang Penderia Masak
16. Mod Penderia Masak Kerak
17. Mod Pembersihan Stim
18. Pemilih Mod


AKSESORI

Aksesori berikut disertakan dengan ketuhar gelombang mikro anda:


1. **Dulang sokongan,** perlu diletakkan dengan betul di atas penderia berat pada dasar ketuhar.
   - Dulang sokongan memutarkan piring putar.




2. **Piring putar,** perlu diletakkan di tengah-tengah dulang sokongan.
   - Pinggan putar berfungsi sebagai permukaan memasak utama; ia boleh dikeluarkan dengan mudah untuk dibersihkan.



3. **Rak tinggi, Rak rendah**, perlu diletakkan di atas pinggan putar.
   - Rak-rak logam boleh digunakan untuk memasak dua jenis masakan pada masa yang sama. Sekeping pinggan kecil boleh diletakkan di atas pinggan putar dan pinggan yang kedua di atas rak.
   - Rak-rak logam boleh digunakan dalam proses memasak menggunakan gril, perolakan dan proses memasak kombinasi.





4. **Pinggan Cair Beku,** perlu diletakkan di tengah-tengah pinggan putar. Pinggan Cair Beku boleh digunakan untuk mencairbekukan makanan beku.




AWAS
- Jangan gunakan untuk Microwave (Gelombang Mikro) (900 W) ( ), Microwave+Grill (Gelombang Mikro+Gril) ( ), Microwave+Convection (Gelombang Mikro+Perolakan) ( ), Convection (Perolakan) ( ), Grill (Gril) ( ). Gunakan hanya untuk Mod Cair Beku. (Mod Cair Beku Penderia Auto dan Gelombang Mikro 100 W/180 W)

5. **Pengukus Pro,** perlu diletakkan di atas pinggan putar.
   - Pengukus Pro boleh digunakan untuk mengukus.






Penutup Keluli Tahan Karat




Dulang Stim



Pinggan Kukus


AWAS




Amaran!!

- Jangan gunakan Pengukus Pro ini dengan produk atau model yang lain.
  Ia boleh mengakibatkan kebakaran atau kerosakan teruk pada produk.
- Jangan gunakan Pengukus Pro ini tanpa air atau makanan di dalamnya.
  Apabila anda menggunakan Pengukus Pro ini, tuangkan sekurang-kurangnya 500 ml air sebelum digunakan. Jika jumlah air kurang daripada 500 ml, ia boleh mengakibatkan proses memasak tidak sempurna, atau boleh mengakibatkan kebakaran atau kerosakan teruk kepada produk.
- Berhati-hati semasa mengeluarkan bekas dari dalam Pengukus Pro selepas memasak, kerana ia sangat panas.
- Pengukus Pro seharusnya digunakan hanya dalam mod mengukus Penderia atau mod gelombang mikro.
- Pastikan anda memasang penutup pada Pengukus Pro supaya ia muat di dalam pinggan Stim.
  Telur atau buah berangan akan meletup jika tidak meletakkan penutup stim dan pinggan stim seperti diarahkan dalam buku Arahan.


6. **Pinggan Kerak**.
   - Pinggan Kerak digunakan untuk memerangkan bahagian bawah makanan menggunakan mod gelombang mikro + gril dan mod gelombang mikro + perolakan untuk mengekalkan kerangupan doh pastri dan piza.



7. **Dulang segi empat sama.**
   AWAS
   - Jangan gunakan untuk Mod Microwave (Gelombang Mikro) ( ), Microwave+Grill (Gelombang Mikro+Gril) ( ) dan Microwave+Convection (Gelombang Mikro+Perolakan) ( ) bagi mengelakkan bunga api.



8. **Mangkuk air bersih,** perlu diletakkan di sebelah kanan ketuhar.



02 BAHAGIAN DAN CIRI


sebelum anda mula menggunakan

Pasangkan palam ketuhar. Tiada apa-apa akan muncul pada paparan pada masa ini. Buka pintu, paparan akan berkelip dan menunjukkan "0". Ketuhar kini sedia untuk digunakan.
Ketuhar ini mempunyai mod Penjimatan tenaga, untuk butiran
Ketuhar akan lalai ke mod Penjimatan tenaga selepas 5 minit jika tidak digunakan. Semasa dalam mod penjimatan tenaga, paparan kosong dan ketuhar tidak boleh digunakan.
Untuk menghilangkan mod Penjimatan tenaga, buka pintu dan kemudian paparan akan menunjukkan "0". Ketuhar sedia untuk digunakan.


MENYEDIAKAN KETUHAR ANDA

Menyediakan ketuhar gelombang mikro anda

1. Letakkan ketuhar di atas permukaan rata dan kukuh, kemudian pasangkan palam di soket berbumi.
   Pastikan ada pengudaraan yang mencukupi untuk ketuhar anda dengan meninggalkan sekurang-kurangnya empat inci ruang di belakang, atas, dan tepi ketuhar.
2. Buka pintu ketuhar dengan menarik pemegang pintu di sebelah bawah pintu.
3. Lap bahagian dalam ketuhar dengan kain lembap.
4. Letakkan dulang sokongan di dalam lekuk di tengah ketuhar.




5. Letakkan Piring Putar dengan kukuh di tengah dulang sokongan.



Menetapkan mod Penjimatan Tenaga


Ketuhar ini mempunyai mod Penjimatan tenaga. Kemudahan ini menjimatkan elektrik apabila ketuhar tidak digunakan.

- Ketuhar akan lalai ke mod Penjimatan tenaga selepas 5 minit jika tidak digunakan. Semasa dalam mod penjimatan tenaga, paparan kosong dan ketuhar tidak boleh digunakan.
- Untuk menghilangkan mod Penjimatan tenaga, buka pintu dan kemudian paparan akan menunjukkan "0". Ketuhar sedia untuk digunakan.
- Jika anda mahu menggunakan mod Penjimatan tenaga, Tekan butang **Cancel/Stop/Power Save (Batal/Henti/Jimat Kuasa)** selama 3 saat.




Menetapkan Bahasa


1. Tekan butang **Cancel/Stop/Power Save (Batal/Henti/Jimat Kuasa)** untuk paparan tunggu sedia.




2. Tekan butang **Keep Warm (Kekal Panas)** dan **Weight guide (Panduan Berat)** pada masa yang sama.





3. Pilih bahasa dengan memusingkan pemilih **Multi Function (Berbilang Fungsi)**.
   (English -> Français -> Italiano -> Nederlands -> Español -> Deutsch -> Polski-> Русский)





4. Tekan butang **Selector (Pemilih)** untuk menetapkan bahasa. Jika ia berjaya, anda akan melihat "Welcome to Samsung" pada paparan selama 2 saat.







penggunaan ketuhar


MENGGUNAKAN MOD PEROLAKAN

Makanan dipanaskan oleh dua elemen pemanas di atas rongga dan satu elemen pemanas perolakan, manakala kipas dari sisi mengedarkan udara panas secara sama rata. Rak rendah atau Rak rendah+ Pinggan kerak diletakkan di atas pinggan putar. Dulang segi empat sama diletakkan di atas Panduan sokongan.






Rak rendah




Rak rendah + Pinggan kerak




Dulang segiempat sama


Tetapan ( ) convection (perolakan)

1. Putar dail **Mode Selector (Pemilih Mod)** ke kedudukan Mod perolakan.







2. Putar Dail **Multi Function Selector (Pemilih Fungsi Berbilang)** ke suhu yang dikehendaki. (Lalai: 180 °C)




3. Tekan butang **Selector (Pemilih)** untuk menetapkan suhu yang dikehendaki.



4. Pilih masa memasak dengan memutar **Multi Function Selector (Pemilih Fungsi Berbilang)**. (Maks. 90 min)
   - Jika anda tidak tetapkan masa memasak, ia akan menjalankan mod prapemanasan. (Maks. 90 min)



5. Tekan butang **Start (Mula)**.
   - Penunjuk suhu (° C) pada paparan akan menyala dan penunjuk akan berkelip selepas suhu dicapai.



Semasa memasak, **Cook Time (Masa Memasak)** dan **Temperature (Suhu)** tersedia untuk ditukar tetapannya.

- Masa memasak : Hanya putar **Multi Function Selector (Pemilih Fungsi Berbilang)**.
- Suhu: Tekan butang **Selector (Pemilih)** dan kemudian putar **Multi Function Selector (Pemilih Fungsi Berbilang)**.


Dalam tetapan Mod Perolakan, bahagian atas dan elemen-elemen pemanas perolakan mati dan hidup sepanjang proses memasak untuk mengawal suhu.


Penting

1. Sentiasa gunakan sarung tangan ketuhar apabila menyentuh bekas di dalam ketuhar, kerana ia sangat panas.
2. Apabila menggunakan Mod Perolakan, pastikan bekas pembakar kaca adalah sesuai untuk suhu memasak 40-230 °C.


MENGGUNAKAN MOD GRIL

Makanan dipanaskan oleh elemen-elemen pemanasan atas. (kedudukan mendatar)
Untuk menggril, buka pintu ketuhar dan letakkan makanan di atas rak.





Rak tinggi





Rak tinggi + Pinggan kerak

Tetapan ( ) Gril


Gril membolehkan anda memanaskan dan memerang makanan dengan cepat, tanpa menggunakan gelombang mikro.

1. Putar dail **Mode Selector (Pemilih Mod)** ke kedudukan Mod Gril.






2. Pilih masa memasak dengan memutar **Multi Function Selector (Pemilih Fungsi Berbilang)**. (Masa memasak yang maksimum ialah 90 minit.)



3. Tekan butang **Start (Mula)**.





Penting

1. Sentiasa gunakan sarung tangan ketuhar apabila menyentuh bekas di dalam ketuhar, kerana ia sangat panas.
2. Periksa bahawa elemen pemanas berada dalam kedudukan mendatar.


MENGGUNAKAN MOD KOMBINASI GRIL

Makanan dipanaskan oleh elemen-elemen pemanasan atas yang digabungkan dengan kitaran tenaga gelombang mikro.
Untuk menggril, buka pintu ketuhar dan letakkan makanan di atas rak.
Jangan gunakan Dulang segiempat sama untuk Mod kombinasi gril.






Rak tinggi



Rak tinggi + Pinggan kerak





⚠ Dulang segiempat sama

Tetapan ( ) kombinasi gril


Anda boleh juga menggabungkan proses memasak gelombang mikro dengan gril untuk memasak dengan lebih cepat dan memerangkan pada masa yang sama.

1. Putar dail **Mode Selector (Pemilih Mod)** ke kedudukan Mod Kombinasi Gril.







2. Pilih masa memasak dengan memutar **Multi Function Selector (Pemilih Fungsi Berbilang)**.
   (Masa memasak yang maksimum ialah 90 minit.)



3. Jika anda mahu menukar aras kuasa; Tekan butang **Selector (Pemilih)**dan kemudian pilih aras kuasa yang sesuai dengan memutar **Multi Function Selector (Pemilih Fungsi Berbilang)**.
   - Lalai: 600 W
   - 600, 450, 300, 180, 100 W



4. Tekan butang **Start (Mula)**.
   Hasil : Setelah proses memasak selesai, ketuhar akan berbunyi bip dan memancarkan "End" empat kali. Ketuhar kemudian akan berbunyi bip sekali setiap minit.




Anda boleh tukar masa memasak dan aras kuasa semasa memasak.
- Masa memasak : Hanya putar **Multi Function Selector (Pemilih Fungsi Berbilang)**.
- Aras kuasa: Tekan butang **Selector (Pemilih)** dan kemudian putar **Multi Function Selector (Pemilih Fungsi Berbilang)**.


Penting

1. SENTIASA gunakan perkakas memasak yang selamat digunakan dengan gelombang mikro dan kalis ketuhar. Bekas kaca atau seramik adalah paling sesuai kerana ia membolehkan gelombang mikro menembusi makanan dengan lebih seimbang.
2. SENTIASA gunakan sarung tangan ketuhar apabila menyentuh bekas di dalam ketuhar, kerana ia sangat panas.
3. Periksa bahawa elemen pemanas berada dalam kedudukan mendatar.


MENGGUNAKAN MOD KOMBINASI PEROLAKAN

Makanan dipanaskan oleh gril dua dan satu elemen pemanas perolakan, yang digabungkan dengan kitaran tenaga gelombang mikro, sementara satu kipas pada sisi mengedarkan udara panas secara sama rata.
Rak rendah atau Rak rendah+ Pinggan kerak diletakkan di atas pinggan putar. Jangan gunakan Dulang segiempat sama untuk Mod kombinasi perolakan.






Rak rendah




Rak rendah + Pinggan kerak




⚠ Dulang segiempat sama


Tetapan (ikon) kombinasi perolakan

1. Putar dail **Mode Selector (Pemilih Mod)** ke kedudukan Mod Kombinasi Perolakan.







2. Pilih masa memasak dengan memutar **Multi Function Selector (Pemilih Fungsi Berbilang)**. (Masa memasak yang maksimum ialah 90 minit.)




3. Jika anda mahu menukar aras kuasa; Tekan butang **Selector (Pemilih)** dan kemudian pilih aras kuasa yang sesuai dengan memutar **Multi Function Selector (Pemilih Fungsi Berbilang)**.
   - Lalai: 600 W
   - 600, 450, 300, 180, 100 W



4. Jika anda mahu menukar suhu; Tekan butang **Selector (Pemilih)** dan kemudian pilih suhu yang sesuai dengan memutar **Multi Function Selector (Pemilih Fungsi Berbilang)**. (40-210 °C)
   - Lalai: 180 °C
   - 40-210 °C



5. Tekan butang **Start (Mula)**.
   Hasil : Setelah proses memasak selesai, ketuhar akan berbunyi bip dan memancarkan "End" empat kali. Ketuhar kemudian akan berbunyi bip sekali setiap minit.



Anda boleh tukar masa memasak dan aras kuasa semasa memasak.
- Masa memasak : Hanya putar **Multi Function Selector (Pemilih Fungsi Berbilang)**.
- Aras kuasa: Tekan butang **Selector (Pemilih)** dan kemudian putar **Multi Function Selector (Pemilih Fungsi Berbilang)**.


CP1395EST_XSM_MA_DE68-03885F.indb 21 2011-08-02 8:20:38

Penting

1. SENTIASA gunakan perkakas memasak yang selamat digunakan dengan gelombang mikro dan kalis ketuhar. Bekas kaca atau seramik adalah paling sesuai kerana ia membolehkan gelombang mikro menembusi makanan dengan lebih seimbang.
2. SENTIASA gunakan sarung tangan ketuhar apabila menyentuh bekas di dalam ketuhar, kerana ia sangat panas.
3. Periksa bahawa elemen pemanas berada dalam kedudukan mendatar.

MENGGUNAKAN MOD SENSOR MASAKAN


Dua puluh lima ciri Sensor Masakan menyertakan/menyediakan masa-masa memasak yang telah dipraprogramkan.
Anda tidak perlu melaras masa memasak atau aras kuasa.
Anda boleh melaras Mod Sensor Masakan dengan memutarkan Pemilih Fungsi Berbilang.



1. Tekan butang **Sensor Cook (Sensor Masakan).**


- Jika terdapat ikon '►' pada paparan, ia bermakna anda pergi ke peringkat seterusnya. Jika terdapat ikon '◄' pada paparan, anda boleh kembali ke peringkat sebelumnya.






2. Setkan kategori dan item memasak dengan **Multi Function Selector (Pemilih Fungsi Berbilang)** dan menekan butang **Selector (Pemilih)**.

- Jika paparan menunjukkan 'Periksa julat berat', Periksa aksesori berpandu.



3. Jika ia menunjukkan ikon mula (⊘) pada paparan, Tekan butang **Start (Mula)**. Dan kemudian ia akan dikira masa memasak oleh sensor berat atau sensor gas.
(Jika ia menunjukkan pusingkan, pusingkan makanan dan tekan butang mula.)

Hasil : Setelah proses memasak selesai, ketuhar akan berbunyi bip dan paparan menunjukkan "Ready. Enjoy your meal. End (Sedia. Selamat menikmati hidangan anda. Tamat)" Ketuhar kemudian akan berbunyi bip tiga kali setiap minit.



Jika anda memutuskan item memasak terakhir, ia menghilangkan ikon '►' pada paparan dan mengerlipkan ikon mula (⊘).
Dalam hal yang memerlukan aksesori, paparan menunjukkan ikon aksesori untuk kemudahan anda.

Program sensor tidak boleh digunakan semasa ketuhar panas. Jika "NOW COOKING" muncul pada paparan, kipas akan berjalan secara automatik untuk menyejukkan ketuhar, selagi ayat "NOW COOLING" dibiarkan pada paparan, jika tidak, penyejukan boleh mengambil masa yang lama. Jika tergesa-gesa, masak makanan secara manual, Pilih aras kuasa, suhu dan masa memasak yang betul.



Ciri Sensor Masakan







Jadual berikut menunjukkan 25 Program Sensor Masakan. Ia mengandungi kuantitinya, masa biar selepas memasak dan cadangan-cadangan yang sesuai. Masa memasak dan aras kuasa adalah dipraprogramkan untuk kemudahan anda. Gunakan sarung tangan ketuhar semasa mengeluarkan!

Makanan		Saiz hidangan	Hidangan/ Aksesori	Masa biar (min.)	Cadangan
Memanas semula					
Minuman Kopi, susu, teh, air (suhu bilik)		150-250 g (I cawan atau 1 koleh)	Cawan atau koleh seramik	1-2	Tuang cecair ke dalam cawan atau koleh seramik dan panaskan semula tanpa ditutup. Letakkan di tengah-tengah pinggan putar. Biarkan ia pegun di dalam ketuhar gelombang mikro. Kacau minuman sebelum dan selepas masa biar. Berhati-hati semasa mengeluarkan cawan-cawan (lihat arahan keselamatan untuk cecair).
Hidangan Siap Sedia	**Hidangan Siap Sedia Sejuk**	300-500 g	Hidangan selamat gelombang mikro	3	Letakkan makanan di atas pinggan seramik dan tutup dengan plastik lekap gelombang mikro. Cucuk plastik. Letakkan di tengah-tengah pinggan putar. Program ini sesuai untuk hidangan yang terdiri daripada 3 komponen (contohnya daging dengan sos, sayur dan hidangan sampingan seperti kentang, nasi atau pasta).
	Hidangan siap sedia sejuk beku (-18 °C)	300-500 g	Hidangan selamat gelombang mikro	3-4	Cucuk plastik hidangan siap sedia sejuk beku. Letakkan di tengah-tengah pinggan putar. Program ini sesuai untuk hidangan yang terdiri daripada 3 komponen (contohnya daging dengan sos, sayur dan hidangan sampingan seperti kentang, nasi atau pasta).

Makanan		Saiz hidangan	Hidangan/ Aksesori	Masa biar (min.)	Cadangan
Sup/Sos	Sup/Sos dingin	300-500 g	Hidangan selamat gelombang mikro	2-3	Tuangkan ke dalam pinggan atau mangkuk seramik dalam dan tutup dengan penutup plastik semasa pemanasan. Letakkan sup di tengah-tengah pinggan putar. Kacau dengan berhati-hati sebelum dan selepas masa biar.
	Sup/Sos Sejuk Beku (-18 °C)	300-500 g	Hidangan selamat gelombang mikro	2-3	Cucuk plastik sup sejuk beku dan letakkan di tengah-tengah pinggan putar. Letakkan sup di tengah-tengah pinggan putar. Kacau dengan berhati-hati sebelum dan selepas masa biar.
Hidangan Sampingan					
Sayur-Sayuran	Brokoli	200-600 g	Hidangan selamat gelombang mikro	1-2	Basuh dan bersihkan brokoli dan sediakan floret. Letakkan ia di dalam mangkuk kaca yang bertutup. Tambahkan 45 ml air (3 sudu besar). Letakkan mangkuk di tengah-tengah pinggan putar. Masak bertutup. Kacau selepas memasak.
	Lobak Merah	200-600 g	Hidangan selamat gelombang mikro	1-2	Basuh dan bersihkan lobak merah dan potong hirisan bulat sama rata. Letakkan ia di dalam mangkuk kaca yang bertutup. Tambahkan 45 ml air (3 sudu besar). Letakkan mangkuk di tengah-tengah pinggan putar. Masak bertutup. Kacau selepas memasak.
	Kacang	200-600 g	Hidangan selamat gelombang mikro	1-2	Basuh dan bersihkan kacang gula hijau (kacang pea). Letakkan ia di dalam mangkuk kaca yang bertutup. Tambahkan 45 ml air (3 sudu besar). Letakkan mangkuk di tengah-tengah pinggan putar. Masak bertutup. Kacau selepas memasak.

Makanan		Saiz hidangan	Hidangan/ Aksesori	Masa biar (min.)	Cadangan
Kentang	Kentang yang Dikupas	400-800 g	Hidangan selamat gelombang mikro	2-3	Basuh dan kupas kentang dan potong kepada saiz yang serupa. Letakkan ia di dalam mangkuk kaca yang bertutup. Tambahkan 45-60 ml air (3-4 sudu besar). Letakkan mangkuk di tengah-tengah pinggan putar. Masak bertutup.
	Kentang bakar	200 g - 1,0 kg		3-5	Basuh dan bersihkan kentang dan cucuk dengan garfu. Sapukan kulit dengan minyak zaiton dan rempah. Letakkan kentang sebelah menyebelah (setiap satunya kira-kira 200 g) di rak rendah. Letakkan rak di atas pinggan kerak.
Beras		200-400 g	Hidangan selamat gelombang mikro	5-10	Gunakan beras putih separa rebus dan tambahkan kuantiti berganda air sejuk. Letakkan ke dalam mangkuk kaca pyrex dengan penutup. Letakkan mangkuk di tengah-tengah pinggan putar. Masak bertutup.
Daging/Ayam Itik/Ikan					

Makanan		Saiz hidangan	Hidangan/ Aksesori	Masa biar (min.)	Cadangan
Daging Lembu	Stik Daging Lembu Kurang masak Sederhana cukup masak	300-800 g		-	Letakkan stik daging lembu sebelah-menyebelah di rak tinggi. Letakkan rak di atas pinggan kerak. Balikkan, sebaik sahaja ketuhar berbunyi bip. Tekan butang mula untuk teruskan proses.
	Daging Lembu/ Kambing Panggang Kurang masak Sederhana cukup masak	800 g - 1,5 kg		5-10	Sapukan daging lembu/ kambing dengan minyak dan rempah (lada sahaja, garam harus ditambahkan selepas memanggang). Letakkan ia di atas rak rendah dengan bahagian lemak di bawah. Letakkan rak di atas pinggan kerak. Balikkan, apabila ketuhar berbunyi bip. Selepas memanggang, dan semasa masa biar ia harus dibungkus dalam kerajang aluminium. Biarkan sehingga hasil masakan pilihan anda dicapai.
Ayam	Kepingan ayam	500 g - 1,2 kg		2	Sapukan kepingan ayam sejuk dengan minyak dan rempah. Letakkan bahagian kulit di bawah di atas rak tinggi. Letakkan rak di atas pinggan kerak. Balikkan, sebaik sahaja ketuhar berbunyi bip. Tekan butang mula untuk teruskan proses.
	Seekor ayam	1,1 kg - 1,7kg		5	Sapukan ayam sejuk dengan minyak dan rempah. Letakkan bahagian dada di bawah, di tengah-tengah rak rendah. Letakkan rak di atas pinggan kerak. Balikkan, sebaik sahaja ketuhar berbunyi bip. Tekan butang mula untuk teruskan proses.

Makanan		Saiz hidangan	Hidangan/ Aksesori	Masa biar (min.)	Cadangan
Ikan	Ikan Panggang	300-800 g		3	Sapukan kulit seekor ikan dengan minyak dan tambahkan herba dan rempah. Letakkan ikan sebelah-menyebelah, kepala pada ekor di atas rak tinggi. Letakkan rak di atas pinggan kerak. Balikkan, sebaik sahaja bunyi bip kedengaran. Tekan butang mula untuk teruskan proses.
	Filet Gril	300-800 g		3	Letakkan filet salmon atau stik ikan sebelah-menyebelah di rak tinggi. Letakkan rak di atas pinggan kerak. Balikkan, sebaik sahaja bunyi bip kedengaran. Tekan butang mula untuk teruskan proses.
Kemudahan					
Piza mini sejuk beku (-18 °C)		100-400 g		-	Letakkan makanan ringan piza mini sejuk beku di dalam bulatan di atas rak rendah.
Lasagne Sejuk Beku (-18 °C)		400-800 g	Hidangan selamat gelombang mikro 	3-4	Letakkan lasagne sejuk beku ke dalam pyrex kaca atau pinggan seramik bersaiz sesuai. Tetapkan bekas di atas rak rendah.
Rol roti sejuk beku (-18 °C)		100-400 g		3-5	Letakkan rol roti sejuk beku dalam satu bulatan di atas rak rendah.
Kek Beku (-18 °C)		400 g - 1,2 kg		5-25	Letakkan satu kek sejuk beku di tengah-tengah, letakkan kepingan kek sejuk beku sebelah menyebelah di atas rak rendah. Dengan bantuan haba perolakan, kek akan menghangat dan garing. Program ini sesuai untuk kek (bulat) dan kepingan kek, seperti kek buah-buahan dengan toping derai, kek streusel atau kek dengan kaskas. Ia tidak sesuai untuk kek dengan isian krim dan kek dengan toping coklat.


MENGGUNAKAN MOD SENSOR STIM MASAKAN

Ciri Sensor stim masakan menyediakan masa memasak yang dipraprogramkan. Anda tidak perlu melaras masa memasak atau aras kuasa. Anda boleh melaras program sensor stim masak yang dikehendaki dengan memutarkan **Multi Function Selector (Pemilih Fungsi Berbilang)**.


Mula-mula, letakkan Pengukus Pro (dengan makanan) di tengah-tengah pinggan putar. Kemudian, tutup pintunya.

Menggunakan Bekas (Pengukus pro)

air 500 ml




Pinggan stim | Dulang Stim | Penutup Keluli Tahan Karat




1. Putar dail Pemilih Mod ke kedudukan Mod **Sensor Steam Cook (Sensor Stim Masakan)**.






2. Tetapkan kategori memasak dengan memutar pemilih fungsi berbilang. (Rujuk halaman 29 hingga 30)
   - Jika paparan menunjukkan 'Periksa julat berat', Periksa aksesori berpandu.





3. Tekan butang **start (Mula)**. (Semasa proses memasak, ia menjalankan sensor gas auto.)




Hasil : Setelah proses memasak selesai, ketuhar akan berbunyi bip dan paparan menunjukkan “Ready. Enjoy your meal. End (Sedia. Selamat menikmati hidangan anda. Tamat)” Ketuhar kemudian akan berbunyi bip tiga kali setiap minit.



Ciri Sensor stim masakan

Jadual berikut menunjukkan 5 Program Sensor Stim Masakan.
Ia mengandungi kuantitinya, masa biar selepas memasak dan cadangan-cadangan yang sesuai.
Masa memasak dan aras kuasa adalah dipraprogramkan untuk kemudahan anda.
Program-program ini hanya boleh digunakan bersama dengan aksesori stim sahaja.
Gunakan sarung tangan ketuhar semasa mengeluarkan!

Makanan	Saiz hidangan (kg)	Bekas	Masa biar (min.)	Cadangan
Hirisan sayur-sayuran	200-500 g	 campurkan 500 ml air sejuk.	-	Bilas dan bersihkan sayur, potong menjadi hirisan atau kepingan bersaiz serupa. Tuangkan ½ air ke dalam pinggan stim Pengukus. Masukkan dulang stim ke dalam pinggan stim, tambahkan sayur-sayuran dan tutup dengan penutup keluli tahan karat. Letakkan Pengukus di atas pinggan putar. Program ini sesuai untuk kepingan sayur-sayuran bersaiz sederhana seperti floret brokoli, floret kubis bunga dan hirisan lobak merah.
Sayur-sayuran penuh	200-800 g	 campurkan 500 ml air sejuk.	-	Bilas dan bersihkan sayur-sayuran. Tuangkan ½ air ke dalam pinggan stim Pengukus. Masukkan dulang stim ke dalam pinggan stim, tambahkan sayur-sayuran dan tutup dengan penutup keluli tahan karat. Letakkan Pengukus di atas pinggan putar. Program ini sesuai untuk sayur-sayuran penuh, seperti tongkol jagung, articok, kubis bunga penuh, kentang kecil dan kubis yang dipotong menjadi suku.

Makanan	Saiz hidangan (kg)	Bekas	Masa biar (min.)	Cadangan
Filet Ikan	100-600 g	 campurkan 500 ml air sejuk.	-	Bilas dan bersihkan filet ikan. Tuangkan ½ air ke dalam pinggan stim Pengukus. Masukkan dulang stim ke dalam pinggan stim, letakkan filet ikan sebelah menyebelah. Anda boleh tambahkan garam, herba dan 1-2 sudu besar jus lemon. Tutup dengan penutup keluli tahan karat. Letakkan Pengukus di atas pinggan putar. Program ini sesuai untuk filet ikan seperti ikan mawar, polak atau ikan kod.
Telur rebus	100-500 g	 campurkan 500 ml air sejuk.	1-2	Tuangkan ½ air ke dalam pinggan stim Pengukus. Masukkan dulang stim ke dalam pinggan stim Cucuk 3-8 telur segar, setiap satunya kira-kira 60 g (saiz sederhana) dan letakkan ke dalam rongga-rongga kecil dulang. Tutup dengan penutup keluli tahan karat dan letakkan Pengukus di atas pinggan putar. Selepas mengukus, terus berdiri untuk 2-5 minit.
Kiub kentang	100-500 g	 campurkan 500 ml air sejuk.	1-2	Bilas dan kupas kentang. Potong kentang menjadi kiub yang sama saiznya. Tuangkan ½ air ke dalam pinggan stim Pengukus. Masukkan dulang stim ke dalam pinggan stim, taburkan kiub kentang di atas dulang dan tutup dengan penutup keluli tahan karat. Letakkan Pengukus di atas pinggan putar.

MENGGUNAKAN MOD STIM MASAKAN MANUAL

Anda bukan sahaja boleh Sensor stim masakan menggunakan Pengukus Pro, tetapi anda juga boleh Masak Stim Manual merujuk kepada jadual Masakan Stim Manual di sebelah kanan.

Prosedur berikut menjelaskan bagaimana untuk masak stim manual. (halaman 50-51)


SENTIASA periksa tetapan memasak anda sebelum meninggalkan ketuhar tanpa di jaga.

Mula-mula, letakkan Pengukus Pro (dengan makanan) di tengah-tengah pinggan putar.


Kemudian, tutup pintunya.

Menggunakan Bekas


air 500 ml



Pinggan stim   Dulang Stim   Penutup Keluli Tahan Karat




1. Putar dail Pemilih Mod ke kedudukan mod **Microwave (Gelombang Mikro).**




   Hasil : Penunjuk 900 W (kuasa memasak maksimum) dipaparkan:
   Pilih aras kuasa yang sesuai dengan memutarkan **Multi Function Selector (Pemilih Fungsi Berbilang)** semula sehingga watt sepadan dipaparkan.
   Tetapkan aras kuasa (900 W) yang diberikan dalam Panduan Masakan Stim Manual pada halaman 50-51.

2. Pilih masa memasak dengan memutarkan **Multi Function Selector (Pemilih Fungsi Berbilang)** seperti yang dikehendaki.
   Tetapkan masa memasak merujuk kepada masa memasak di dalam Panduan Masakan Stim Manual padahalaman 50-51.



3. Tekan butang **Start (Mula)**.



Hasil: Lampu ketuhar menyala dan pinggan putar mula berputar.


- Proses memasak bermula dan apabila ia selesai ketuhar berbunyi bip empat kali.
- Isyarat peringatan tamat akan berbunyi bip 3 kali (sekali setiap minit).
- Masa semasa dipaparkan semula.

Amaran!!

- Jangan gunakan Pengukus Pro ini dengan produk atau model yang lain.
  Ia boleh mengakibatkan kebakaran atau kerosakan teruk pada produk.
- Jangan gunakan Pengukus Pro ini tanpa air atau makanan di dalamnya.
  Apabila anda menggunakan Pengukus Pro ini, tuangkan sekurang-kurangnya 500 ml air sebelum digunakan. Jika jumlah air kurang daripada 500 ml, ia boleh mengakibatkan proses memasak tidak sempurna, atau boleh mengakibatkan kebakaran atau kerosakan teruk kepada produk.
- Berhati-hati semasa mengeluarkan bekas dari dalam Pengukus Pro selepas memasak, kerana ia sangat panas.
- Pastikan anda memasang penutup pada Pengukus Pro supaya ia muat di dalam pinggan Stim.
  Telur atau buah berangan akan meletup jika tidak meletakkan penutup stim dan pinggan stim seperti diarahkan dalam buku Arahan.

Bagaimana membersihkan Pinggan stim


Bersihkan pinggan stim dengan air suam dan detergen dan bilas dengan air bersih.
Jangan gunakan berus pembersih atau span keras, jika tidak, lapisan atas akan rosak.



Pinggan stim bukan selamat pencuci pinggan.


MENGGUNAKAN MOD SENSOR MASAKAN KERAK

Biasanya, apabila memasak di dalam ketuhar gelombang mikro, menggunakan mod gril atau gelombang mikro di dalam ketuhar gril/perolakan, makanan seperti pastri dan piza menjadi kembang di bahagian bawahnya. Menggunakan Pinggan kerak Samsung membantu anda mendapatkan hasil masakan yang rangup. Pinggan kerak boleh juga digunakan untuk bakon, telur, sosej, dll.




Pinggan Kerak

+



Rak rendah


atau




Rak tinggi

1. Putar dail Pemilih Mod ke kedudukan Mod **Sensor Crusty Cook (Sensor Masakan Kerak)**.







2. Pilih masa memasak dengan memutar **Multi Function Selector (Pemilih Fungsi Berbilang)**. (Rujuk kepada halaman 34).



3. Tekan butang **Start (Mula)**. Dan kemudian ia akan mulakan pengesanan berat auto. (Jika anda menekan butang batal semasa mengesan berat, paparan akan pergi ke praperingkat.)





4. Paparan menunjukkan anggaran masa memasak dan berat, dan kemudian mula auto.

Hasil : Setelah proses memasak selesai, ketuhar akan berbunyi bip dan paparan menunjukkan “Ready. Enjoy your meal. End (Sedia. Selamat menikmati hidangan anda. Tamat)” Ketuhar kemudian akan berbunyi bip tiga kali setiap minit.








Paparan menunjukkan ikon aksesori untuk kemudahan anda.

Program sensor tidak boleh digunakan semasa ketuhar panas.
Jika "NOW COOKING" muncul pada paparan, kipas akan berjalan secara automatik untuk menyejukkan ketuhar, selagi ayat "NOW COOLING" dibiarkan pada paparan, jika tidak, penyejukan boleh mengambil masa yang lama. Jika tergesa-gesa, masak makanan secara manual, Pilih aras kuasa, suhu dan masa memasak yang betul.


Ciri Sensor Masakan Kerak

Jadual berikut menunjukkan 5 Program Sensor Masakan Kerak.
Ia mengandungi kuantitinya, masa biar selepas memasak dan cadangan-cadangan yang sesuai.
Masa memasak dan aras kuasa adalah dipraprogramkan untuk kemudahan anda.
Sentiasa letakkan pinggan kerak besar dan rak di tengah-tengah ketuhar.
Gunakan sarung tangan ketuhar semasa mengeluarkan!

Makanan	Saiz hidangan (kg)	Aksesori	Masa biar (min.)	Cadangan
Piza Sejuk Beku	200-500 g		-	Letakkan piza di atas pinggan kerak pada rak tinggi di tengah-tengah pinggan putar.
Kentang goreng ketuhar sejuk beku	200-500 g		-	Taburkan kentang goreng ketuhar di atas pinggan kerak pada rak tinggi di tengah-tengah pinggan putar. Balikkan kentang goreng, sebaik sahaja ketuhar berbunyi bip. Tekan butang mula untuk teruskan proses.
Baji Kentang	200-400 g		1-2	Potong kentang menjadi kiub yang sama saiznya. Sapukan dengan minyak zaiton, garam dan rempah. Letakkan baji kentang di atas pinggan kerak secara sama rata pada rak tinggi di tengah-tengah pinggan putar. Balikkan baji, sebaik sahaja ketuhar berbunyi bip. Tekan butang mula untuk teruskan proses.
Quiche	400-800 g		5-10	Letakkan doh quiche di atas pinggan kerak dan tambahkan isian. Letakkannya di atas rak rendah di tengah-tengah pinggan putar.
Cookie/ Biskut	100-300 g		2-5	Letakkan cookie/ biskut di atas pinggan kerak dan letakkannya di atas rak rendah di tengah-tengah pinggan putar.

MENGGUNAKAN MOD MASAKAN KERAK MANUAL

Biasanya, apabila memasak di dalam ketuhar gelombang mikro, menggunakan mod gril atau gelombang mikro di dalam ketuhar gril/perolakan, makanan seperti pastri dan piza menjadi kembang di bahagian bawahnya. Menggunakan Pinggan Kerak Samsung membantu anda mendapatkan hasil masakan yang rangup. Pinggan kerak boleh juga digunakan untuk bakon, telur, sosej, dll.



Pinggan kerak di atas pinggan putar






Plate berkerak + Rak Tinggi

1. Panaskan dahulu pinggan kerak, seperti yang diterangkan di atas.
   Sebelum menggunakan pinggan kerak, panaskan ia dahulu dengan memilih mod kombinasi selama 3 hingga 5 minit:
   - Kombinasi perolakan (180 °C) dan gelombang mikro (aras kuasa 600 W)
   - Kombinasi gril dan gelombang mikro (aras kuasa 600 W).

   Gunakan sarung tangan ketuhar setiap masa kerana pinggan kerak akan menjadi sangat panas.
2. Sapukan pinggan dengan minyak jika anda hendak memasak makanan seperti bakon dan telur, untuk memerangkan makanan dengan cantik.
   - Sila ambil perhatian bahawa pinggan kerak mempunyai lapisan teflon yang tidak tahan calar. Jangan gunakan sebarang objek tajam seperti pisau untuk memotong di atas pinggan kerak.
   - Gunakan aksesori plastik untuk mengelakkan calar pada permukaan pinggan kerak atau alihkan makanan dari pinggan sebelum memotong.
3. Letakkan makanan di atas pinggan kerak.
   - Jangan letakkan sebarang bekas di atas pinggan kerak yang tidak tahan panas (mangkuk plastik contohnya).
4. Letakkan pinggan kerak di atas rak logam (atau pinggan putar) di dalam gelombang mikro.
   - Jangan sekali-kali letakkan pinggan kerak di dalam ketuhar tanpa pinggan putar.
5. Putar dail **Mode Selector (Pemilih Mod)** ke kedudukan Kombinasi (Gril atau Perolakan).




6. Pilih masa memasak dengan memutarkan **Multi Function Selector (Pemilih Fungsi Berbilang)** seperti yang dikehendaki.
   Tetapkan masa memasak dengan merujuk pada masa memasak dalam Panduan Masakan Kerak Manual pada halaman 60.




7. Tekan butang **Start (Mula)**.

Hasil : Setelah proses memasak selesai, ketuhar akan berbunyi bip dan memancarkan "End" empat kali. Ketuhar kemudian akan berbunyi bip sekali setiap minit.



Bagaimana membersihkan Pinggan kerak

Bersihkan pinggan kerak dengan air suam dan detergen dan bilas dengan air bersih.
Jangan gunakan berus pembersih atau span keras, jika tidak, lapisan atas akan rosak.




Pinggan stim bukan selamat pencuci pinggan.


MENGGUNAKAN MOD SENSOR MENCAIR BEKU

Menetapkan Mod Sensor Mencair beku


Pilih daripada dua tetapan gelombang mikro yang dipraprogramkan untuk mencair beku. Masa mencair beku dan aras kuasa dilaraskan secara automatik. Cuma pilih tetapan dan berat untuk mula mencair beku.
Buka pintu. Letakkan makanan beku di tengah-tengah Pinggan mencair beku. Tutup pintu ketuhar.

1. Tekan butang **Sensor Defrost (Sensor Mencair beku).**







2. Pilih kategori memasak dengan memutar **Multi Function Selector (Pemilih Fungsi Berbilang)**.
   - Jika paparan menunjukkan 'Periksa julat berat', Periksa aksesori berpandu.



3. Tekan butang **Start (Mula)**. Dan kemudian ia akan mulakan pengesanan berat auto.






4. Paparan menunjukkan anggaran masa mencair beku dan berat, dan kemudian mula auto. (Jika ia menunjukkan pusingkan, pusingkan makanan dan tekan butang start.)


Bagaimana untuk menukar aksesori mencair beku.


Anda boleh menukar untuk menggunakan bekas lain kecuali aksesori berpandu pada manual. (Rujuk kepada halaman 38).

- Anda letakkan bekas yang anda mahu guna.




- Tekan butang panduan berat selama 3 saat. Dan kemudian ia menghilangkan ikon aksesori pada paparan.





- Buka pintu. Letakkan makanan sejuk beku di tengah-tengah Pinggan putar.
- Tekan butang **Start (Mula)**. Dan kemudian ia akan menjadi kiraan masa mencair beku dan sensor berat ke berat. Paparan menunjukkannya.



Program sensor tidak boleh digunakan semasa ketuhar panas.
Jika "NOW COOKING" muncul pada paparan, kipas akan berjalan secara automatik untuk menyejukkan ketuhar, selagi ayat "NOW COOLING" dibiarkan pada paparan, jika tidak, penyejukan boleh mengambil masa yang lama. Jika tergesa-gesa, masak makanan secara manual, Pilih aras kuasa, suhu dan masa memasak yang betul.

Panduan untuk Program Sensor Mencair Beku

Jadual yang berikut menunjukkan 2 program Sensor Mencair Beku, kuantiti, masa biar (standing times) dan cadangan yang sesuai. Tanggalkan semua jenis bahan pembungkusan sebelum mencair beku.


Letakkan daging beku, ayam itik, ikan dan sayur-sayuran di atas pinggan mencair beku besar pada pinggan putar.

Makanan sejuk beku (-18 °C)	Saiz hidangan (kg)	Masa biar (min.)	Cadangan
Daging/ Ayam Itik/ Ikan	200 g - 2,0 kg	20-120	Sentiasa balut bahagian-bahagian tepi dengan kerajang aluminium. Balikkan kentang goreng, sebaik sahaja ketuhar berbunyi bip. (Ketuhar terus beroperasi dan berhenti apabila anda membuka pintunya.) Program ini sesuai untuk daging lembut, kambing, khinzir, stik, cop, daging cincang, seekor ayam, bahagian ayam, seekor ikan dan juga untuk filet ikan.
Roti/Sayur-Sayuran	100 g - 1,0 kg	10-60	Letakkan roti secara mendatar, memanjang ke pintu, letakkan rol sebelah menyebelah sama rata dan sayur-sayuran sama rata di atas pinggan mencair beku. Program ini sesuai untuk semua jenis roti, dalam bentuk kepingan atau sebuku, serta untuk roti rol dan baget. Program ini sesuai untuk sayur-sayuran seperti kacang pea, floret brokoli, hirisan lobak merah, floret kubis bunga dan kiub bayam.


Penting : Mod Sensor Mencair Beku menggunakan tenaga gelombang mikro untuk memanaskan makanan.
Oleh itu, garis panduan untuk langkah-langkah keselamatan alat memasak dan gelombang mikro lain mesti dipatuhi dengan teliti semasa menggunakan mod ini.

MENGGUNAKAN MOD BIARKAN HANGAT

1. Tekan butang **Stop/Cancel/Power save (Henti/Batal/Jimat kuasa)** untuk mod tunggu sedia.




2. Tekan butang **Keep warm (Biarkan hangat)**.



3. Pilih item dengan memutar **Multi Function Selector (Pemilih Fungsi Berbilang)**. (Rujuk kepada halaman 40).



4. Tekan butang **Start (Mula)**.



Hasil : Biarkan hangat bermula. Ia beroperasi selama 30 minit. Apabila biarkan hangat telah selesai, ketuhar akan berbunyi bip dan memancarkan "End" empat kali.
Ketuhar kemudian akan berbunyi bip satu kali setiap minit.

AWAS

Anda tidak boleh menggunakan bekas melebihi 5,0 kg. Jika anda menggunakannya, paparan menunjukkan ralat.

Ciri Biarkan hangat

Jadual berikut menunjukkan 4 Program Biarkan Hangat. Ia mengandungi jenis makanan/ alat ketuhar yang sesuai bagi setiap program. Masa dan suhu telah dipraprogramkan untuk kemudahan anda. Hanya pemanas perolakan yang beroperasi dan ia akan berkitar untuk memastikan makanan hangat.
Gunakan sarung tangan ketuhar semasa mengeluarkan!


Kod	Item	Suhu	Masa	Cadangan
1	**Makanan**	80 °C	30 min	Tetapan ini sesuai untuk membiarkan daging panggang, ayam, gratin, piza, kentang dan hidangan dalam pinggan hangat.
2	**Minuman**	80 °C	30 min	Tetapan ini sesuai untuk membiarkan hangat air, susu dan kopi.
3	**Roti dan pastri**	60 °C	30 min	Tetapan ini sesuai untuk membiarkan hangat roti, roti bakar, rol, mufin dan kek.
4	**Pinggan mangkuk**	70 °C	30 min	Tetapan ini sesuai untuk prapemanasan cawan dan perkakas ketuhar. Susun pinggan mangkuk ke seluruh kawasan pinggan putar. Jangan membebankan ketuhar. (Muatan maksimum 5,0 kg)

Penting :


- Jangan gunakan fungsi ini untuk memanas semula makanan sejuk. Program ini hanya untuk membiarkan kepanasan makanan yang baru dimasak.
- Jangan cadangkan makanan dibiarkan memanas terlalu lama (lebih dari 1 jam), kerana ia akan terus memasak. Makanan hangat cepat rosak.
- Tutup cecair dan makanan yang mana kandungan lembapan tinggi Tetapi, jika anda ingin membiarkan makanan panggang garing atau bergoreng, jangan tutup.


MENGGUNAKAN MOD BIARKAN HANGAT MANUAL

1. Putar Dail pemilih mod dan tekan butang untuk memilih mod kecuali mod **Fast Preheat (Prapanas Cepat)**, **Sensor Steam cook (Masakan Sensor Stim)** dan **Sensor Defros (Sensor Mencair Beku)**.




2. Tekan butang **Keep warm (biarkan hangat)** untuk memilih peringkat Biarkan Hangat. (peringkat pertama -> peringkat kedua -> tiada biarkan panas)
   - : Biarkan hangat 15 min
   - : Biarkan hangat 30 min





3. Tekan butang **Start (Mula)**.


   Hasil : Setelah proses memasak selesai, ketuhar akan berbunyi bip dan paparan menunjukkan "0:00" dalam 4 kali. Ketuhar kemudian akan berbunyi bip tiga kali setiap minit.






Bagaimana untuk menetapkan secara automatik fungsi biarkan hangat berterusan selepas mod sensor masakan auto atau mod manual.

1. Tetapkan mod dan masa memasak. Atau pilih program sensor masakan yang dikehendaki. (Kecuali mod **Fast preheat (Prapanas cepat)**, **Sensor steam cook (Sensor Masakan Stim)** dan **Sensor defrost (Sensor mencair beku)**




2. Tekan butang **Keep warm (biarkan hangat)** untuk memilih peringkat biarkan hangat.
   - : Biarkan hangat 15 min
   - : Biarkan hangat 30 min



3. Tekan butang **Start (Mula)**.


   Hasil : Apabila masakan telah selesai, biarkan panas akan bermula secara automatik. Ia beroperasi untuk 15 minit atau 30 minit. Apabila biarkan panas telah selesai, ketuhar akan berbunyi bip dan memancarkan "End" empat kali. Ketuhar kemudian akan berbunyi bip satu kali setiap minit.




AWAS: Anda tidak boleh menggunakan bekas melebihi 5,0 kg. Jika anda menggunakannya, paparan menunjukkan ralat.


MENGGUNAKAN MOD PANDUAN BERAT

1. Tekan butang **Stop/Cancel/Power save (Henti/Batal/Jimat kuasa)** untuk mod tunggu sedia.





2. Tekan butang **Weight guide (Panduan berat).** Jika ia menunjukkan '0 g' pada paparan, letakkan makanan di tengah-tengah pinggan putar dan tekan butang panduan berat semula. (Julat berat: 200~2000 g)





3. Ia memutarkan pinggan putar untuk 1 saat. Ia mengoperasikan sensor berat. Dan kemudian paparan menunjukkan anggaran berat selepas 3~5 saat.





Mod panduan berat tidak boleh digunakan semasa ketuhar panas. Jika "NOW COOKING" muncul pada paparan, kipas akan berjalan secara automatik untuk menyejukkan ketuhar, selagi ayat "NOW COOLING" dibiarkan pada paparan, jika tidak, penyejukan boleh mengambil masa yang lama. Jika tergesa-gesa, masak makanan secara manual, Pilih aras kuasa, suhu dan masa memasak yang betul.

Bagaimana untuk menggunakan berat kosong.

Fungsi ini untuk mengira hanya berat makanan tanpa aksesori.

1. Tekan butang **Stop/Cancel/Power save (Henti/Batal/Jimat kuasa)** untuk mod tunggu sedia.
2. Tekan butang panduan berat. Jika ia menunjukkan '0 g' pada paparan. Dan kemudian letakkan aksesori di tengah-tengah pinggan putar. Tekan butang panduan berat untuk 3 saat dan kemudian paparan menunjukkan '0 g'.
3. Letakkan makanan di tengah-tengah pinggan putar dan tekan butang panduan berat semula.
4. Ia menunjukkan kiraan berat pada paparan.


BAGAIMANA KETUHAR GELOMBANG MIKRO BERFUNGSI

Gelombang mikro adalah gelombang elektromagnetik frkuensi tinggi; tenaga yang dikeluarkan membolehkan makanan dimasak atau dipanaskan semula tanpa mengubah bentuk atau warna.

Anda boleh menggunakan ketuhar gelombang mikro anda untuk:

- Mencair beku
- Memasak

Dasar Memasak



1. Gelombang mikro yang dihasilkan oleh magnetron diedarkan secara seragam dengan menggunakan sistem pengedaran pengacau. Dengan itu, makanan dimasak sama rata.
2. Gelombang mikro diserap makanan sehingga kira-kira sedalam 1 inci (2,5 cm). Proses memasak berterusan apabila haba dilesapkan di dalam makanan.
3. Masa-masa memasak berbeza-beza mengikut bekas yang digunakan dan sifat-sifat makanan:
   - Kuantiti dan ketumpatan
   - Kandungan air
   - Suhu awal (disejukkan atau tidak)

Penting : Oleh kerana bahagian tengah makanan dimasak melalui pelesapan haba, proses memasak masih berterusan walaupun anda sudah mengeluarkan makanan dari ketuhar.

Masa biar yang ditentukan dalam resepi dan dalam buku panduan ini hendaklah dipatuhi bagi memastikan.


- Pemasakan makanan yang rata hingga ke bahagian tengah
- Suhu yang sama pada seluruh makanan


MENGGUNAKAN MOD GELOMBANG MIKRO

Gelombang mikro adalah gelombang elektromagnetik berfrekuensi tinggi. Dalam masakan gelombang mikro, tenaga gelombang mikro sebenarnya menembusi makanan, tertarik kepada dan diserap oleh kandungan air, lemak dan gulanya. Gelombang mikro menyebabkan molekul-molekul di dalam makanan bergerak dengan pantas. Pergerakan molekul yang pantas ini menimbulkan geseran dan haba yang dihasilkan memasak makanan.


Menetapkan tetapan gelombang mikro


1. Putar **Mode Selector (Pemilih Mod)** ke kedudukan gelombang mikro. Masa dan aras kuasa akan muncul pada paparan.






2. Putar **Multi Function Selector (Pemilih Fungsi Berbilang)** ke masa memasak yang dikehendaki. Jika anda tidak mahu menukar aras kuasa, tekan butang **Start (Mula)** untuk mula memasak.






3. Untuk menukar aras kuasa, tekan butang **Selector (Pemilih)** dan putar **Multi Function Selector (Pemilih Fungsi Berbilang)** ke aras kuasa yang dikehendaki. Rujuk Panduan Memasak (halaman 47 hingga 64) untuk garis panduan masa memasak dan aras kuasa bersesuaian.



4. Tekan butang **Start (Mula)** untuk mula memasak.



Hasil :

- Proses memasak bermula dan apabila ia selesai.
- Ketuhar akan berbunyi bip dan memancarkan "End" empat kali. Ketuhar kemudian akan berbunyi bip sekali setiap minit.

Anda boleh tukar masa memasak dan aras kuasa semasa memasak.

- Masa memasak : Hanya putar **Multi Function Selector (Pemilih Fungsi Berbilang)**.
- Aras kuasa: Tekan butang **Selector (Pemilih)** dan kemudian putar **Multi Function Selector (Pemilih Fungsi Berbilang)**.

Mula Cepat:

- Jika anda mahu memanaskan satu hidangan untuk jangka masa yang singkat pada kuasa maksimum (900W), anda boleh menekan sahaja butang **Start (Mula)** sekali untuk setiap 30 saat masa memasak. Ketuhar akan bermula dengan serta-merta.

CP1395EST_XSM_MA_DE68-03885F.indb 44 2011-08-02 8:20:49

Panduan untuk aras kuasa gelombang mikro

ARAS KUASA	PERATUSAN (%)	KUASA OUTPUT (W)	KOMEN
TINGGI	100	900	Untuk memanaskan cecair.
RENDAH TINGGI	83	750	Untuk memanaskan dan memasak makanan.
TINGGI SEDERHANA	67	600	Untuk memanaskan dan memasak makanan.
SEDERHANA	50	450	Untuk memasak daging dan memanaskan makanan lembut.
RENDAH SEDERHANA	33	300	
MENCAIR BEKU	20	180	Untuk mencair beku dan masakan berterusan.
RENDAH	11	100	Untuk mencair beku makanan lembut.

Panduan alat memasak gelombang mikro.

Alat memasak yang digunakan untuk Mod Gelombang mikro mesti membenarkan gelombang mikro untuk lalu dan menembusi makanan. Logam seperti keluli tahan karat, aluminium dan tembaga memantul gelombang mikro. Oleh itu, jangan gunakan alat memasak yang diperbuat daripada bahan logam. Perkakas memasak yang bertanda "selamat untuk digunakan dengan gelombang mikro" sentiasa selamat untuk digunakan. Untuk maklumat tambahan mengenai perkakas memasak bersesuaian rujuk pada panduan berikut dan letakkan segelas air atau sedikit makanan di atas pinggan putar.

Perkakas memasak	Selamat untuk digunakan dengan Gelombang Mikro	Komen
Kerajang aluminium	✓✗	Boleh digunakan dalam bentuk kepingan kecil untuk melindungi bahagian-bahagian daripada terlampau masak. Pengarkaan boleh berlaku jika kerajang terlalu hampir dengan dinding ketuhar atau jika terlalu banyak kerajang digunakan.
Pinggan Kerak	✓	Jangan panaskan terlebih dahulu selama lebih dari 8 minit.
Perkakas tembikar atau tanah liat	✓	Tembikar, perkakas tanah liat yang diglis dan tembikar “bone china” biasanya sesuai, kecuali dihiasi dengan perapi logam.
Bekas Kadbod Poliester Pakai buang	✓	Sesetengah makanan sejuk beku dibungkus dalam bekas-bekas ini.
Bungkusan Makanan Segera		

Perkakas memasak	Selamat untuk digunakan dengan Gelombang Mikro	Komen
• Bekas cawan polistirena	✓	Boleh digunakan untuk menghangatkan makanan. Pemanasan yang terlampau boleh menyebabkan polistirena cair.
• Beg kertas atau surat khabar	✕	Boleh terbakar.
• Kertas kitar semula atau perapi logam	✕	Boleh menyebabkan pengarkaan.
Perkakas kaca		
• Perkakas dari ketuhar ke meja	✓	Boleh digunakan, kecuali dihiasi dengan perapi logam. Boleh digunakan untuk menghangatkan makanan atau cecair. Kaca yang halus boleh pecah atau retak jika dipanaskan secara tiba-tiba.
• Perkakas kaca halus	✓	
• Balang kaca	✓	Mesti tanggalkan tutupnya. Sesuai untuk menghangatkan sahaja.
Logam		
• Bekas	✕	Boleh menyebabkan pengarkaan atau kebakaran.
• Ikat pintal beg penyejuk beku	✕	
Kertas		
• Pinggan, cawan, napkin dan Kertas dapur	✓	Untuk masa memasak yang singkat dan menghangatkan. Juga untuk menyerap lembapan yang berlebihan.
• Kertas kitar semula	✕	Boleh menyebabkan pengarkaan.
Plastik		
• Bekas	✓	Terutamanya jika termoplastik tahan panas. Sesetengah plastik lain boleh meleding atau berubah warna pada suhu yang tinggi. Jangan gunakan plastik Melamin.
• Plastik lekap	✓	Boleh digunakan untuk mengekalkan lembapan. Tidak harus menyentuh makanan. Berhati-hati apabila membuka plastik lekap kerana wap panas akan keluar.
• Beg penyejuk beku	✓✕	Hanya jika ia boleh direbus atau kalis ketuhar. Tidak harus kedap udara. Cucuk dengan garpu, jika perlu.
Kertas Lilin atau Kertas Minyak	✓	Boleh digunakan untuk mengekalkan lembapan dan mencegah percikan.

"Pengarkaan" adalah istilah gelombang mikro untuk percikan di dalam ketuhar.

✓ :Disarankan
✓✕:Amaran
✕ :Tidak Selamat

Panduan memasak gelombang mikro

Gelombang mikro

Tenaga gelombang mikro sebenarnya menembusi makanan, tertarik kepada dan diserap oleh kandungan air, lemak dan gulanya.
Gelombang mikro menyebabkan molekul-molekul di dalam makanan bergerak dengan pantas. Pergerakan molekul yang pantas ini menimbulkan geseran dan haba yang dihasilkan memasak makanan.

Masakan

Perkakas memasak untuk proses memasak gelombang mikro:
Perkakas memasak mestilah membolehkan tenaga gelombang mikro menembusinya untuk kecekapan maksimum. Gelombang mikro dipantulkan oleh logam, seperti keluli tahan karat, aluminium dan tembaga, tetapi ia boleh menembusi seramik, kaca, tembikar dan plastik serta kertas dan kayu. Jadi makanan tidak boleh dimasak di dalam bekas logam.
Sentiasa gunakan pinggan putar semasa menggunakan mod gelombang mikro. Letakkan bekas dan makanan di atas pinggan putar.

Makanan yang sesuai untuk proses memasak gelombang mikro:
Banyak jenis makanan sesuai untuk proses memasak gelombang mikro, termasuk sayur-sayuran segar dan sejuk beku, buah-buahan, pasta, beras, biji-bijian, kacang, ikan dan daging. Sos, kastard, sup, puding kukus, jeruk, dan cutni boleh juga dimasak di dalam ketuhar gelombang mikro. Umumnya, proses memasak gelombang mikro adalah ideal bagi sebarang makanan yang biasanya dimasak di atas dapur. Mentega atau coklat lebur, sebagai contoh, lihat bab yang mempunyai tips cepat & mudah di akhir buku panduan.

Menutup semasa memasak
Menutup makanan semasa memasak adalah sangat penting, kerana air yang menyejat naik sebagai wap dan menolong proses memasak. Makanan boleh ditutup dengan berlainan cara: contohnya dengan pinggan seramik, penutup plastik atau plastik lekap yang sesuai untuk gelombang mikro.

Masa Biar
Selepas proses memasak selesai, masa biar untuk makanan adalah penting untuk membolehkan suhu menjadi seimbang di dalam makanan.

Panduan Memasak untuk sayur-sayuran sejuk beku

Gunakan mangkuk pyrex kaca bertutup yang sesuai.
Masak bertutup untuk masa minimum – lihat jadual. Teruskan memasak untuk mendapatkan hasil yang anda mahu.
Kacau dua kali semasa memasak dan sekali selepas memasak. Tambahkan garam, herba atau mentega selepas memasak. Tutup semasa masa biar.

Makanan	Caturan (g)	Kuasa (W)	Masa (min.)	Masa biar (min.)	Arahan
Bayam	150	600	5-7	2-3	Tambahkan 15 ml (1 sudu besar) air sejuk.
Brokoli	300	600	8-10	2-3	Tambahkan 30 ml (2 sudu besar) air sejuk.
Kacang pis	300	600	7-9	2-3	Tambahkan 15 ml (1 sudu besar) air sejuk.
Kacang Hijau	300	600	7½-9½	2-3	Tambahkan 30 ml (2 sudu besar) air sejuk.
Sayur-sayuran Campur (Lobak merah/Kacang pis/Jagung)	300	600	7-9	2-3	Tambahkan 15 ml (1 sudu besar) air sejuk.
Sayur-sayuran Campur (Gaya Cina)	300	600	7½-9½	2-3	Tambahkan 15 ml (1 sudu besar) air sejuk.

Panduan Memasak untuk sayur-sayuran segar

Gunakan mangkuk pyrex kaca bertutup yang sesuai. Tambahkan 30-45 ml air sejuk (2-3 sudu besar) untuk setiap 250 g kecuali jumlah air yang lain disyorkan – lihat jadual. Masak bertutup untuk masa minimum – lihat jadual. Teruskan memasak untuk mendapatkan hasil yang anda mahu. Kacau sekali semasa dan sekali selepas memasak. Tambahkan garam, herba atau mentega selepas memasak. Tutup semasa masa biar selama 3 minit.

Petua: Potong sayur-sayuran segar menjadi kepingan yang sama saiznya. Lebih kecil ia dipotong, lebih cepat ia masak.

Semua sayur-sayuran segar harus dimasak menggunakan kuasa gelombang mikro yang penuh (900W).

Makanan	Caturan (g)	Masa (min.)	Masa biar (min.)	Arahan
Brokoli	250 500	3-4 6-7	3	Sediakan bunga-bunga yang sama saiznya. Atur batangnya ke tengah.
Kubis Brussel	250	5-6	3	Tambahkan 60-75 ml (5-6 sudu besar) air.
Lobak Merah	250	4-5	3	Potong lobak merah menjadi hirisan yang sama saiznya.
Kubis Bunga	250 500	4-5 7-8	3	Sediakan bunga-bunga yang sama saiznya. Belah dua bunga yang besar. Atur batangnya ke tengah.
Courgette	250	3-4	3	Potong courgette menjadi hirisan. Tambahkan 30 ml (2 sudu besar) air atau seketul mentega. Masak sehingga lembut.
Terung	250	3-4	3	Potong terung menjadi kepingan kecil dan renjiskan 1 sudu besar jus lemon.
Lik	250	3-4	3	Potong lik menjadi kepingan-kepingan yang tebal.
Cendawan	125 250	1-2 2-3	3	Sediakan cendawan kecil yang tidak dipotong atau cendawan yang dihiris. Jangan tambahkan air. Renjiskan dengan jus lemon. Rempahkan dengan garam dan lada. Tuskan sebelum menghidangkan.
Bawang	250	4-5	3	Hiris bawang atau potong dua. Tambahkan hanya 15 ml (1 sudu besar) air.
Lada	250	4-5	3	Potong lada menjadi kepingan kecil.
Kentang	250 500	4-5 7-8	3	Timbang kentang yang telah dikupas dan potong dua atau potong empat.
Kubis Lobak Putih	250	5-6	3	Potong kubis lobak putih menjadi kiub-kiub kecil.

Panduan Stim untuk Pengukus

Tuangkan ½ air ke dalam pinggan stim pengukus. Letakkan dulang stim ke dalam pinggan, letakkan makan di atas dulang dan tutup dengan penutup keluli tahan karat. Letakkan pengukus di atas pinggan putar. Masa memasak bergantung pada saiz, ketebalan dan jenis makanan.
Apabila mengukus hirisan nipis atau kepingan kecil, kami sarankan untuk mengurangkan masa. Apabila mengukus hirisan tebal atau kepingan makanan bersaiz besar, anda boleh tambahkan masa.
Gunakan aras kuasa dan masa di dalam jadual ini sebagai garis panduan untuk masakan stim.

Makanan	Caturan (g)	Air Sejuk (ml)	Kuasa (W)	Masa (min.)	Arahan
Brokoli, floret	400	500	900	12-18	Cuci dan bersihkan brokoli. Potong menjadi floret bersaiz serupa. Letakkan floret sama rata di atas dulang stim.
Lobak Merah	400	500	900	15-20	Bilas dan bersihkan lobak merah dan potong hirisan sama rata. Susun hirisan di atas dulang stim.
Kubis bunga, penuh	600	500	900	20-25	Bersihkan kubis bunga penuh dan letakkan di atas dulang stim.
Tongkol jagung	400 g (2 btg)	500	900	23-28	Bilas dan bersihkan tongkol jagung. Letakkan tongkol jagung sebelah menyebelah di atas dulang stim.
Courgette	400	500	900	10-15	Bilas courgette dan potong menjadi hirisan serupa. Susun sama rata di atas dulang stim.
Sayur-Sayuran Campur Sejuk Beku	400	500	900	18-23	Susun sayur-sayuran campur sejuk beku (-18 °C) seperti brokoli, kubis bunga, hirisan lobak merah sama rata di atas dulang stim.
Kentang (kecil)	500	500	900	25-30	Bilas dan bersihkan kentang dan cucuk kulit dengan garfu. Letakkan kentang sama rata di atas dulang stim.

Makanan	Caturan (g)	Air Sejuk (ml)	Kuasa (W)	Masa (min.)	Arahan
Epal	800 g (4 biji epal)	500	900	15-20	Bilas dan empulur epal. Letakkan epal menegak sebelah menyebelah di atas dulang stim.
Telur Rebus	3-8 telur	500	900	15-20	Cucuk 3-8 telur segar (saiz M) dan letakkannya di dalam rongga kecil dulang stim. Selepas mengukus, terus berdiri ditutupi untuk 2-5 minit.
Udang Biru	250 g (5-6 ekor)	500	900	10-15	Renjiskan udang biru dengan 1-2 sudu besar jus lemon. Letakkannya sama rata di atas dulang stim.
Filet Ikan (ikan kod, ikan mawar)	500 g (2-3 ekor)	500	900	12-17	Renjis filet ikan dengan 1-2 sudu besar jus lemon dan tambahkan herba dan rempah. (misalnya rosemary). Letakkan filet sama rata di atas dulang stim.
Filet dada ayam	400 g (2 filet)	500	900	20-25	Bilas dan bersihkan dada ayam. Letakkan filet dada ayam sebelah menyebelah di atas dulang stim.

Panduan memasak untuk beras dan pasta

BerasGunakan mangkuk pyrex kaca yang besar dengan penutup – isi padu beras bertambah sekali ganda semasa dimasak. Masak bertutup. Selepas masa memasak tamat, kacau sebelum masa biar dan tambahkan garam atau herba dan mentega.

Beras mungkin tidak menyerap semua air selepas masa memasak selesai.

Pasta – Gunakan mangkuk pyrex kaca yang besar. Tambahkan air mendidih, sedikit garam dan kacau rata. Masak tanpa ditutup. Kacau sekali-sekala semasa dan selepas memasak. Tutup semasa masa biar dan tuskan ia betul-betul selepas itu.

Makanan	Caturan (g)	Kuasa (W)	Masa (min.)	Masa biar (min.)	Arahan
Beras Putih (Separa rebus)	250 375	900	16-18 18-20	5	Tambahkan 500 ml air sejuk. Tambahkan 750 ml air sejuk
Beras Perang (Separa rebus)	250 375	900	22-23 24-25	5	Tambahkan 500 ml air sejuk. Tambahkan 750 ml air sejuk
Beras Campur (Beras Sedap + Liar)	250	900	17-19	5	Tambahkan 500 ml air sejuk.
Jagung Campur (Beras + Bijian)	250	900	19-20	5	Tambahkan 400 ml air sejuk.
Pasta	250	900	11-13	5	Tambahkan 1000 ml air panas.

Memanas semula

Ketuhar gelombang mikro anda akan memanas semula makanan dalam masa yang sangat singkat berbanding dengan masa biasa yang diambil oleh hob ketuhar konvensional.
Gunakan aras kuasa dan masa memanas semula di dalam carta berikut sebagai panduan. Masa-masa di dalam carta mengambil kira cecair dengan suhu bilik sekitar +18 hingga +20 °C atau makanan dingin dengan suhu sekitar +5 hingga +7°C.

Mengatur dan menutup
Elakkan memanaskan makanan besar seperti sepotong daging – ia selalunya menjadi terlampau masak dan kering sebelum bahagian tengahnya menjadi panas menggelegak. Memanaskan semula kepingan-kepingan kecil memberikan hasil yang lebih baik.

Aras kuasa dan mengacau
Sesetengah makanan boleh dipanaskan semula menggunakan kuasa 900 W sementara yang lain pula harus dipanaskan semula menggunakan 750 W, 600 W, 450 W atau malah 300 W. Umumnya, adalah lebih baik anda memanaskan semula makanan menggunakan aras kuasa yang lebih rendah, jika makanan itu tidak terlalu berperisa, banyak, atau jika besar kemungkinannya ia sangat cepat menjadi panas (pai daging kisar, contohnya).

Kacau rata atau balikkan makanan semasa memanaskan semula bagi hasil yang terbaik. Jika boleh, kacau sekali lagi sebelum menghidangkan.

Anda harus amat berhati-hati apabila memanaskan cecair dan makanan bayi. Untuk mencegah didihan cecair yang membuak-buak dan kemungkinan berlakunya lecur, kacau sebelum, semasa dan selepas memanaskan. Biarkan ia di dalam ketuhar gelombang mikro semasa masa biar. Kami mengesyorkan anda meletakkan sudu plastik atau batang kaca ke dalam cecair itu. Elakkan terlalu lama memanaskan (dan oleh itu merosakkan) makanan.
Adalah lebih baik anda menganggar kurang masa memasak dan menambah masa memanas, jika perlu.

Memanaskan dan masa biar
Apabila memanaskan semula makanan buat pertama kalinya, sebaiknya anda membuat catatan tentang masa yang diambil – untuk dirujuk pada masa hadapan.

Sentiasa pastikan bahawa makanan yang dipanaskan semula panas menggelegak keseluruhannya.

Biarkan makanan itu buat seketika selepas memanaskan semula – supaya suhunya menjadi seimbang. Masa biar yang disarankan selepas memanaskan semula ialah 2-4 minit, kecuali masa yang lain disyorkan di dalam carta.

Anda harus amat berhati-hati apabila memanaskan cecair dan makanan bayi. Lihat juga bab mengenai langkah-langkah keselamatan.

Memanas semula cecair

Sentiasa berikan masa biar selama sekurang-kurangnya 20 saat selepas ketuhar dimatikan untuk membolehkan suhunya menjadi seimbang. Kacau semasa memanaskan, jika perlu, dan SENTIASA kacau selepas memanaskan. Untuk mencegah didihan yang mebuak-buak dan kemungkinan kulit anda melecur, anda harus meletakkan sudu atau batang kaca ke dalam minuman dan kacau sebelum, semasa dan selepas memanaskannya.

Memanaskan Semula Cecair dan Makanan

Gunakan aras kuasa dan masa di dalam jadual ini sebagai garis panduan untuk memanaskan semula.

Makanan	Bahagian	Kuasa	Masa (min.)	Masa biar (min.)	Arahan
Minuman(kopi, teh dan air)	250 ml (1 koleh) 500 ml (2 koleh)	900 W	1½-2 3-3½	1-2	Tuangkan ke dalam cawan-cawan dan panaskan semula tanpa ditutup: 1 cawan di tengah-tengah, 2 cawan sebelah menyebelah. Biarkan di dalam ketuhar gelombang mikro semasa masa biar dan kacau rata.
Sup (dingin)	250 g 450 g	900 W	3-4 4-5	2-3	Tuang ke dalam pinggan atau mangkuk seramik yang dalam. Tutup dengan penutup plastik. Kacau rata selepas memanaskan semula. Kacau sekali lagi sebelum menghidangkannya.
Stew (dingin)	450 g	600 W	5½-6½	2-3	Letakkan stew ke dalam pinggan seramik yang dalam. Tutup dengan penutup plastik. Kacau sekali-sekala semasa memanaskan semula dan sekali lagi sebelum membiarkan dan menghidangkannya.
Pasta dengan sos (dingin)	350 g	600 W	4½-5½	3	Letakkan pasta (contohnya spageti atau mi telur) di atas pinggan seramik leper. Tutup dengan plastik lekap gelombang mikro. Kacau sekali lagi sebelum menghidangkannya.
Pasta yang diisi dengan sos (dingin)	350 g	600 W	5½-6½	3	Letakkan pasta yang diisi (contohnya ravioli, tortelini) di dalam pinggan seramik yang dalam. Tutup dengan penutup plastik. Kacau sekali-sekala semasa memanaskan semula dan sekali lagi sebelum membiarkan dan menghidangkannya.
Hidangan Dalam Pinggan (dingin)	350 g	600 W	5-6	3	Letakkan hidangan dengan 2-3 komponen sejuk di atas pinggan seramik. Tutup dengan plastik lekap gelombang mikro.

Memanaskan semula makanan bayi

Makanan bayi
Tuang ke dalam pinggan seramik yang dalam. Tutup dengan penutup plastik. Kacau rata selepas memanaskan semula! Biarkan selama 2-3 minit sebelum menghidangkan. Kacau sekali lagi dan periksa suhunya. Suhu menghidang yang disarankan: antara 30-40 °C.

Susu bayi
Tuang susu ke dalam botol kaca yang telah disteril. Panaskan tanpa ditutup. Jangan sesekali memanaskan botol bayi dengan putingnya sekali, kerana botol boleh meletup jika terlampau panas. Goncang betul-betul sebelum masa biar dan sekali lagi sebelum menghidangkan ! Sentiasa periksa suhu susu atau makanan bayi dengan teliti sebelum memberinya kepada bayi. Suhu menghidang yang disarankan: lebih kurang 37°C.

KOMEN:
Makanan bayi terutamanya perlu diperiksa dengan teliti sebelum dihidangkan bagi mencegah berlakunya lecur. Gunakan aras kuasa dan masa di dalam jadual yang berikutnya sebagai garis panduan untuk memanaskan semula.

Memanaskan Semula Makanan dan Susu Bayi
Gunakan aras kuasa dan masa di dalam jadual ini sebagai garis panduan untuk memanaskan semula.

Makanan	Bahagian	Kuasa	Masa (min.)	Masa biar (min.)	Arahan
